# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

CIKGU K.A. RAZHIYAH

MANTAN GURU PENDIDIKAN KHAS


OLEH:

| | |
|---|---|
| NUR AWATIF MAZLAN | 2019527891 |
| SITI SARAH LIYANA IZHAM | 2019717805 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAR 2021 – OCT 2021)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# CIKGU K.A. RAZHIYAH
# MANTAN GURU PENDIDIKAN KHAS

OLEH:

NUR AWATIF MAZLAN 2019527891
SITI SARAH LIYANA IZHAM 2019717805

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAR 2021 – OCT 2021)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin memanjatkan setingi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya kami diberi kekuatan dan ketabahan dalam menyiapkan tugasan yang di berikan setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan bagi menyempurnakannya. Sesungguhnya tugasan yang diberikan ini benar-benar menguji kami dengan reliti kehidupan yang sebenar dalam mendapatkan maklumat mengenai bangunan lama atau bersejarah yang dipilih oleh kami.

Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek IMR 604 Madam Nurulannisa Binti Abdullah di atas kesudian beliau untuk berkongsi maklumat, membimbing serta memberi tunjuk ajar sepanjang proses kumpulan kami melaksanakan tugasan ini. Sesungguhnya tanpa bimbimgan dan tunjuk ajar daripada beliau tidak mungkin kami dapat menyiapkan tugasan kami seperti ini. Segala jasa dan penat lelaah beliau amatlah kami hargai dan kami manfaatkan sepenuhnya.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Cikgu K.A. Razhiyah di atas kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang projek ini dijalankan. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi maklumat yang beliau ketahui kepada kami. Kami bertuah kerana Cikgu K.A. Razhiyah amat mudah untuk berkongsi ilmu serta mudah untuk berurusan sepanjang kajian di jalankan.

Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada kawan-kawan yang turun membantu dalam proses menyiapkan tugasan ini. Dorongan dan doa daripada ahli keluarga kami juga turut menyumbang kejayaan kami menyiapkan tugasan ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


**TAJUK** | **MUKA SURAT**

Penghargaan ........ i
Isi Kandungan ........ ii
Abstrak ........ iii
Biodata Tokoh ........ iv
Pengenalan ........ v

**TRANSKRIP** ........ 1
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH ........ 2
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL ........ 5
BAHAGIAN 3: PERJALANAN KERJAYA ........ 11
BAHAGIAN 4: SUMBANGAN ........ 49

**LAMPIRAN** ........ 61
LOG WAWANCARA ........ 61
DIARI KAJIAN ........ 64
SENARAI SOALAN SEBELUM TEMUAL ........ 66
SENARAI SOALAN SEMASA TEMUBUAL ........ 71
SURAT PERJANJIAN ........ 76
GAMBAR 1 ........ 77
GAMBAR 2 ........ 78
GAMBAR 3 ........ 79
INDEKS ........ 80

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama Cikgu K.A. Razhiyah iaitu seorang guru cemerlang pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. Beliau memulakan karier perguruan pada 1985, mula menumpukan kepada pendidikan khas pada 1990 apabila melihat cabaran mendidik pelajar istimewa berbeza daripada mengajar pelajar normal. Cikgu K.A. Razhiyah turut mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa apabila beliau telah di anugerahkan sebagai Top 50 Finalist Global Teacher Prize bagi tahun 2018 oleh Yayasan Varkey di London, United Kingdom dan turut dianugerahkan SENIA Advocacy Award, iaitu Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019 yang diterima di Hong Kong dan juga memenangi Anugerah Puteri Maha Chakri (PMCA) pada tahun 2019 yang diterima di Bangkok, Thailand dan dapat mengatasi sembilan calon lain di seluruh negara. Beliau juga memperkenalkan program Teratak Spa iaitu projek yang memberi peluang kepada pelajar istimewa mengendalikan rawatan kecantikan, seperti rawatan muka, kaki dan urutan tangan. Kejayaan ini mengharum nama beliau di peringkat kebangsaan apabila telah di anugerahkan sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Khas sebanyak dua kali dan tiga kali di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain terlibat dalam bidang pendidikan khas, beliau turut menceburkan diri di dalam bidang penulisan bahan ilmiah dan kreatif serta banyak menulis skrip-skrip TV. Semangat dan jasa beliau ini kepada anak-anak istimewa dan masyarakat sememangnya wajar di jadikan inspirasi dan contoh kepada semua wanita.*

**Kata kunci:** *Cikgu K.A. Razhiyah, Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Kebangsaan Panji, Teratak Spa, Kementerian Pendidikan Malaysia*

*Abstract: K.A. Razhiyah, a former teacher, is an outstanding special education teacher at Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. This paper describes her journey, challenges, and contributions to the education of special children up to the international level. She began her teaching career in 1985, focusing on special education in 1990 after realising that the problems of educating special students differed from those of teaching normal students. K.A. Razhiyah also made Malaysia's name on the international stage when she was awarded the Top 50 Finalist Global Teacher Prize for 2018 by the Varkey Foundation in London, United Kingdom, and was also awarded the SENIA Advocacy Award, the 2019 Best Asian Special Education Teacher Award received in Hong Kong, and also won the Princess Maha Chakri Award (PMCA) in 2019, which was received in Bangkok, Thailand, and was able to surpass nine other candidates nationwide. She also introduced the Teratak Spa programme, an initiative that allows special students to receive beauty treatments such as facials, foot and hand massages, and manicures. This achievement made her name well-known at the national level, as she was awarded Outstanding Teacher of Special Education twice and three times by the Malaysian Ministry of Education. Aside from excellence in the field of special education, she has also written scientific and creative materials, as well as several TV scripts. Her dedication to special children and the community should serve as an inspirational role model for all women.*

*Keywords: K.A. Razhiyah, Special Education, Sekolah Menengah Kebangsaa Panji, Teratak Spa, Ministry of Education Malaysia*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| **Nama** | : | K.A Razhiyah |
| **Nama Samaran** | : | Cikgu K.A. |
| **Tarikh Lahir** | : | 4 December 1959 |
| **Tempat Tinggal** | : | Kota Bharu, Kelantan |
| **Alamat** | : | Kota Bharu, Kelantan |
| **No. Telefon** | : | 019-338#### |
| **Emel** | : | roziemueller@gmail.com |
| **Profesion** | : | Perguruan |
| **Bidang** | : | Guru Pendidikan Khas |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Cikgu K.A Razhiyah merupakan anak jati Kelantan yang dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan seorang yang penyayang dan ceria serta sangat menghormati orang sekeliling dan mengangkat darjat anak-anak istimewa. Pada awalnya, beliau mendapat Pendidikan awal di Sekolah Rendah Tengku Indera Petra di Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu Kelantan dan bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kota Bharu. Beliau berpindah ke Negeri Sembilan dan bersekolah di Sekolah Menengah Methodist, Seremban. Kemudian, beliau berpindah ke Klang dan menyambung pengajian di Sekolah Menengah Tinggi Agama Sultan Hisamuddin, Klang, Selangor. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke MPPM (Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka) selama 3 tahun. Setelah tamat 3 tahun, beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Salak Sepang, Selangor selama 2 tahun, seterusnya beliau berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Convent Sentul di Kuala Lumpur.

Kemudian, beliau mengikuti khusus pendedahan Pendidikan khas di Genting selama 2 minggu, seterusnya mengikuti khusus masalah pendengaran selama setahun di IPGM (Institut Pendidikan Guru Malaysia) Pada tahun 1990, beliau pulang ke negeri kelahiran beliau dan mengajar murid masalah pendengaran di Sekolah Rendah Tengku Indera Petra yang dijadikan sebagai Sekolah Rendah Pendidikan khas, Kota Bharu, Kelantan. Perjalanan hidup beliau penuh dengan semangat untuk mendidik murid-murid Pendidikan khas sehingga yakin mereka juga boleh menjalani kehidupan seperti pelajar normal.

Beliau yang merupakan seorang guru cemerlang Pendidikan Khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji, Kota Bharu, Kelantan telah dicalonkan sebagai Top 50 Finalist Global Teacher Prize bagi tahun 2018 oleh Yayasan Varkey di London, United Kingdom dan turut dianugerahkan SENIA Advocacy Award, iaitu Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019 yang diterima di Hong Kong dan juga memenangi Anugerah Puteri Maha Chakri (PMCA) pada tahun 2019 yang diterima di Bangkok, Thailand dan dapat mengatasi sembilan calon lain di seluruh negara.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Pendidikan khas. Bersama-sama kami ialah Cikgu K.A. Razhiyah yang merupakan mantan guru cemerlang pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 9 July 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 11 pagi dengan menggunakan Google Meet sebagai platform temubual ini. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Awatif Mazlan dan Siti Sarah Liyana Izham.

Petunjuk:

Cikgu : Cikgu K.A. Razhiyah
Awatif : Nur Awatif binti Mazlan
Sarah : Siti Sarah Liyana binti Izham

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**AWATIF : Okay, Cikgu boleh kita mulakan sesi temubual kita pada pagi ini?**

CIKGU : Silakan.

**AWATIF : Bolehkah cikgu ceritakan serba sedikit tentang latar belakang cikgu? Mungkin Cikgu boleh bagi tahu nama cikgu. Ada gelaran ke? Tinggal di mana? Di mana dilahirkan? Bila? Dan sekarang Cikgu menetap di mana?**

CIKGU : Ha nama saya K.A Razhiyah. Nama gelaran em Cikgu K.A la kot haha [ketawa]. Ha *ye* [ya], kalau tanya orang Razhiyah, orang jarang kenal *la* sebab mungkin Razhiyah ni ramai sangat dalam dunia ni tapi kalau Cikgu K.A. *tu* [itu] tak ramai *la*, jadi sebut Cikgu K.A ni orang ramai tahu *la*. *InshaAllah la okay*. *So* [jadi], *em* saya dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan - tapi *takde* [tidak] *la* macam orang Kelantan. Orang Kelantan ni putih kan, saya *takde* [tidak] *la* putih [senyum]. Sebab *bapak* [ayah] saya daripada India, mak saya daripada Malaysia, jadi *em* - ha jadi sebab *tu* [itu] la orang kata saya orang Penang *haha* [ketawa].________*Kecek kelate* [cakap Kelantan] *buleh* [boleh] *la*, *make budu belako nih* [makan budu semua] *haha* [ketawa]. *Okay* [baiklah], ha pastu saya *em* daripada 6 orang adik-beradik, saya anak yang kedua. *Okay* [baiklah], - *Ye* [ya], *em* saya dilahirkan pada 4 December 1959. *Dah* [sudah] tua rupanya tapi hati *tu* [itu] masih muda *ye* [ya] [senyum]. Ha *em* apa lagi nak tahu *ye* [ya]?

**AWATIF : Ha Cikgu tinggal di mana sekarang? Menetap di Kota Bharu la?**

CIKGU : Ha tinggal di Kota Bharu, Kelantan. Terperangkap di Kota Bharu, Kelantan *haha* [ketawa]. – *Tak* [tidak] boleh merentas daerah ataupun negeri.

**AWATIF : Ye faham lockdown [senyum]. Okay mengenai keluarga Cikgu, boleh Cikgu cerita serba sedikit latar belakang keluarga. Nama ayah ke, berasal, mungkin pekerjaan mereka?**

CIKGU : *Okay* [baiklah], nama ayah saya ha arwah Haji Muhammad Syukri ________ Dulu ayah saya bekerja sebagai Data Edit Eksekutif. *Dah* [sudah] meninggal

dunia dan ibu saya Zainab Muhammad - masih ada *Alhamdulillah* tetapi ibu saya *em* guna *wheelchair* [kerusi roda] *em* sebabkan dia pernah jatuh jadi terpaksa guna *wheelchair* [kerusi roda] ataupun tongkat dan ibu saya menetap ha dengan abang saya di *Ipoh* [Perak]. Ha nak balik ke sini *tak* boleh sebab *lockdown_*.

**AWATIF : *Okay* [baiklah], berdasarkan apa yang saya tahu Cikgu pun dah berkahwin, dah mendirikan rumah tangga.**

CIKGU : *Allah, dah* [sudah] tua mestilah *dah* [sudah] kawin *haha* [ketawa]. Tapi kalau siapa yang *tak* [tidak] kawin *tu* [itu] jangan kurang keyakinan diri. Kadang kala *Allah Ta'ala* nak beri rezeki yang berbeza. Ya! Saya telah berumah tangga [senyum].

**AWATIF : Boleh saya tahu, pada tahun bila Cikgu kawin?**

CIKGU : Haa *lamonyo* [sudah lama]. 1997 saya telah mendirikan rumahtangga.

**SARAH : *Tak* [belum] lahir lagi *kitaorang* [kami] *haha* [ketawa].**

CIKGU : Oh! *Tak* [tidak] lahir lagi *haha* [ketawa].

**AWATIF : *Okay* [baiklah], jadi apa nama penuh suami Cikgu?**

CIKGU : Nama penuh ha Farouk.

**AWATIF : Farouk?**

CIKGU : Haa.

**AWATIF : Jadi apakah pekerjaan beliau?**

CIKGU : Ha *Engineers* [Jurutera].

**AWATIF : Sekarang bekerja di sini la? Di Kelantan?**

CIKGU : Ha tidak. Tidak bekerja di sini *haha* [ketawa]. Bekerja di tempat lain.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL**

**AWATIF : *Okay* [baiklah], Cikgu kita ke sejarah pendidikan awal Cikgu *la*. Dalam aspek Pendidikan, pada tahun berapa Cikgu mendapat Pendidikan awal?**

CIKGU : Ha dari sekolah rendah *eh*?

**AWATIF : Ha *ye* [ya], dimana Cikgu bersekolah rendah?**

CIKGU : Oh! sejarah begitu lama *haha* [ketawa]. Tahun 1966, saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra di Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu Kelantan. Ha dan seterusnya saya ke Sekolah Menengah Kota Bharu [Kelantan] dan keluarga saya berpindah *em* ke - Kuala Lumpur lalu kami berpindah ke Negeri Sembilan, saya sekolah di Sekolah Menengah Methodist [Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist Acs (M), Negeri Sembilan] dan

seterusnya *em* kami berpindah ke Klang [Selangor, Malaysia], *okay* ha dan - saya bersekolah di Sekolah Menengah Agama Hisamuddin [Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin, Klang, Selangor].

**AWATIF : *Okay* [baiklah], dekat sekolah dulu Cikgu pernah pegang apa-apa jawatan? Di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah?**

CIKGU : *Em* sekolah menengah, jawatan sebagai pengawas, pengawas perpustakaan. Saya pernah terlibat dalam *teater*. Itu *la* banyak sangat aktiviti ni mengganggu hidup kita *haha* [ketawa].

**AWATIF : Lagi Cikgu bergiat aktif dalam bidang? Waktu sekolah menengah?**

CIKGU : Bidang *teater* ha.______

**SARAH : Kalau bahagian sukan Cikgu?**

CIKGU : Sukan *tak* [tidak], *tak* [tidak] minat *haha* [ketawa]. *Tak* [tidak] berapa minat sukan. *You cannot be active in everything, you know* [Awak tahu, kita tidak boleh aktif dalam semua perkara]. Adakala kita minat dalam satu-satu bahagian, melainkan orang *tu* [itu] memang hebat, terlibat semua *la*. Saya sukan *tak* [tidak] berapa minat. Pernah masuk bola jaring *tapi reserve* [pemain simpanan] *aje* [sahaja] *haha* [ketawa].

**AWATIF : *Okay*, apakah pengalaman manis Cikgu sepanjang persekolahan yang *tak* [tidak] boleh dilupakan sehingga sekarang?**

CIKGU : Apa *taktau* [tidak tahu] *haha* [ketawa]. Pengalaman manis semasa persekolahan, masa sekolah rendah *em* saya pernah tolong jiran sebelah rumah menjual gula-gula, ingat *masa kecik-kecik* [waktu kecil] ada *gula nise* [gula melaka] ha. Dia buat *gula nise* [gula melaka], kita pun tolong jual *la ho* [ya]. Jual *pastu* [selepas itu], kena tangkap *kat* cikgu, lepas tu kena berdiri di luar kelas *haha* [ketawa].

**SARAH : Berapa satu *tu* [itu] jual dekat *student* [pelajar]?**

CIKGU : Jual dekat kawan-kawan *la*. Jadi *tak* [tidak] boleh niaga kat sekolah kan nanti PKP marah *haha* [ketawa].__ ____ berdiri kat luar - Pengalaman manis begitu *la* kena_*haha* [ketawa].

**AWATIF : *Okay*, selepas tamat sekolah, Cikgu terus melanjutkan pelajaran ataupun bekerja sementara? Kerja *part-time* [kerja sambilan] ke?**

CIKGU : Ha saya sebenar macam ni ya, ha saya bagitahu sebernarnya masa sekolah ni saya *tak* [tidak] cerdik sangat, memang *tak* [tidak] cerdik. Saya masa saya *em* - Tingkatan 5, di Sekolah Menengah Kota Bharu [Kelantan], saya aktif sangat, saya jadi apa ha, jadi pengawas, saya jadi ha pengawas pustakaan, saya *involve in* [terlibat dalam]_______ saya *jadi* naik pengerusi persatuan keselamatan, saya *jadi* pengerusi apa lagi *eh* [berfikir]. Saya *jadi* St John Ambulance. St John Ambulance *tu* [itu], masa dulu-dulu kan jambatan dekat Sultan Yahya Petra [Kelatan] *tu* [itu] kan, ha *masa time* [waktu] nak kutip derma, kita pun *duk* [duduk] kutip dekat jambatan *tu* haha [gelak].

Jadi, saya aktif hingga *tak* [tidak] baca buku tahu *tak* masa tu. Hari-hari petang *gi* [pergi] sekolah. Jadi bila *tubik* [keluar] peperiksaan, MCE (Malaysia Certificate Education), SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) kan *ha*, saya dapat gred 4 ha. Gagal peperiksaan. Jadi *lepastu* kita pindah ke Negeri Sembilan sebab *bapak* saya tukar ke *KL* [Kuala Lumpur] jadi nak pindah ke *KL tu* sewa rumah mahal jadi pindah ke Negeri Sembilan sebab saya ada mak sedara di sana jadi bila pindah ke sana tu tiba-tiba dapat result gred 4, *bapak* saya kata, "*nak belajar lagi ke taknak? Kalau taknak kawin*" *haha* [ketawa]. Jadi *ooh* takut lah. Jadi *okay* la belajar la.

Kemudian, masuk *private school* [sekolah swasta], Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin - *Eh* bukan-bukan, Sekolah Menengah Methodist, Seremban, *private school* [sekolah swasta] *okay*. Kat sekolah *tu*, saya *ambik* [ambil] subjek cukup-cukup makan *je haha* [ketawa]. Saya matematik *tak* [tidak] pandai. Saya *tak* bijak matematik. Jadi saya ambil *Human Science Biology* [Biologi Sains Manusia], jadi memang buku sastera. Saya kelas sastera memang saya hafal sastera *tu*, memang boleh sebut satu-satu [ketawa]. Ha dalam buku sastera *tu*.

*Okay*, *lepastu* [selepas itu], bila keluar *result* [keputusan], saya dapat *second gred* masa *tu* --- Dulu MCE (Malaysia Certificate Education) *tu* kan ada *gred* pertama, *gred* kedua, *gred* ketiga *tu dah* [sudah] *failed* [gagal] kan, *gred* ketiga

kira *tak* bagus *lah.*____Jadi bila pindah ke Klang [Selangor], dekat sikit dengan *bapak* saya sebab bapak saya kerja dekat KL [Kuala Lumpur]. Dia penat berulang-alik ke Seremban. Bila saya pindah ke Klang, *em* saya dapat *gred* 2. Jadi saya mengangur 2 tahun. Sebab nak melanjutkan pelajaran *em* payah *la* nak cari *private school* [sekolah swasta] *kat* [di] sana mahal.

Lalu selama 2 tahun *tu* [itu], saya_ Saya pun menulis. Itu*lah* sebenarnya saya mula melibatkan diri dalam bidang penulisan._ ____, cerpen, ke surat khabar, majalah. *Lepastu* [selepas itu], *tetiba* [tiba-tiba] saya nampak ada satu sekolah, saya pergi *library* [perpustakaan] selalu buat *research* [penyelidikan] ha saya jumpa ada *sorang* [seorang] budak *tu,* dia masuk Sekolah Menengah Tinggi Agama Sultan Hisamuddin.

Sebenarnya, memang sekolah agama tetapi dia juga ada satu kelas akademik untuk *sape-sape* [siapa-siapa] yang daripada aliran biasa ha. Maknanya, kalau kita belajar *kat* sana bukannya masuk dalam sekali dengan murid-murid yang belajar agama, *tak* [tidak]. Tapi kelas akademik.

Jadi, saya pun pergi *lah kat* [dekat] sekolah jumpa pengetua dia cakap, "*nak sambung belajar lah*". Selalunya orang sambung belajar *situ* [di situ], orang yang dapat *third gred* [gred ketiga] MCE (Malaysia Certificate Education) la, SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) ke *gitu* [begitu] *lah.*

*Okay* [baiklah], *lepastu* [selepas itu], *tetiba* [tiba-tiba] ustaz cakap, *"awak dapat second gred, kenapa awak tak lanjut pelajaran?"* Saya kata, "*saya* ___ _____ *nak buat macam mana*". Jadi, ustaz pun terima. *Lepastu*, belajar *lah* kat sana 2 tahun. Tingkatan 6 atas, dan 6 rendah. Masa kat sekolah *tu*, saya *involved* [terlibat] dengan perbahasan, syarahan.

*Lepas tu* [selepas itu], em bila dah dapat *result* [keputusan] *tu, okay* lulus. Tapi *tak* tahu nak *gi* [pergi] mana. Jadi saya mohon-mohon pekerjaan, bapak saya *tak* bagi saya kerja kilang *okay*. Jadi masa mohon pekerjaan *tu*, saya dapat 3 saya dapat. Satu, saya dapat kerja kat__, kedua saya dapat MAS (Malaysia Airlines), ketiga saya dapat em apa *tu* … melanjutkan pelajaran ke MPPM (Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka).

*Lepastu* [selepas itu], *tak* tahu nak pilih yang mana [senyum]. Mak saya suruh ambil MAS. Mak saya kata, "*nanti dapat naik flight free*" *haha* [ketawa]. Bapak saya *pulak* [pula] kata baik ambil cikgu sebab nenek mak bapak saya pun cikgu juga – *Pastu* [selepas itu] saya *tak* suka la kerja, suka belajar lagi.

Jadi, saya pun ambil cikgu, masuk Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPPM). *Alhamdulillah.* [senyum]. Saya telah membuat keputusan yang tepat ha. Jadi itu lah sejarahnya *haha* [ketawa].

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: PERJALANAN KERJAYA**

**SARAH** **:** **Yang bahagian perguruaan *tu*, memang Cikgu ambil Pendidikan khas ke macam mana?**

CIKGU : Ha bukan-bukan. Mula-mula saya masuk Maktab Perguruaan Perempuan Melayu Melaka (MPPM), *option* [pilihan] English dengan music. Ha masa *tu* saya belum lagi ambil Pendidikan khas. Saya masuk ke Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPPM) *tu* selama 3 tahun. *Lepas* [selepas] keluar *tu*, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Salak Sepang, Selangor. Saya juga dapat penempatan mula-mula di Selangor, saya *tak* nak lah Selangor sebab keluarga saya duduk Selangor. Saya nak merantau.

Saya kata, *tak* best *la* kalau duduk tempat yang sama kan. Jadi, saya em pergi ke Kementerian Pelajaran, saya kata, *"kenapa letak saya Selangor? Saya tak nak"*. Dia kata, "*selalu orang nak pulang ke kampung*". "Tak nak, saya nak merantau", saya kata. *"Jadi, awak nak pergi mana?". "Saya nak pergi Sabah, Serawak"*. *Pastu* [selepas itu], orang KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) *tu tak* bagi. *"Tak boleh Sabah, Serawak sebab penempatan negeri dah* [sudah]_, *nanti awak menyesal*". "*Saya tak menyesal, saya nak merantau"*, saya kata.

*"Saya nak berkhidmat pada anak bangsa tak semesti di kampung kita*", saya kata. *Pastu* [selepas itu], dia kata, "*gini [begini] la saya bagi awak kat Pahang*

*nak*?". Macam dekat Jengka *gitu* [begitu] kan. Saya kata, *"boleh boleh". Pastu* [selepas itu], dia main-main *jela* [sahaja]. Dia kata, *"tak boleh sebab_tetap"*. *"Macam ni la, saya bagi awak sempadan negeri Sembilan dengan Selangor"*. Ha itu di mana saya di hantar ke Sepang [Selangor]. *Okay*, ha di mana saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Salak di Sepang.

Saya mengajar di sana 2 tahun. *Tapi* apabila saya mengajar di sana, rasa macam kita berkobar-kobar nak mengajar *tapi* biasa la setiap orang --- Guru *tu* ada pelbagai jenis ha. Jadi, saya rasa, *"Aduh aku rasa, aku ingin mencuba em mencuba di tempat lain la"* [bermonolog]. Jadi, saya mohon di KL [Kuala Lumpur]. Saya rasa di *KL* di bandar *cosmopolitas* tu cabaran dia lebih hebat.

Ha cara mengajar kita berbeza. Jadi, saya *mintak* [minta] mengajar di KL [Kuala Lumpur]. Saya dapat Sekolah Kebangsaan Convent Sentul [Kuala Lumpur] *Okay*, saya dapat sana setelah 2 tahun di Sepang. Kalau saya ni bijak berniaga, kalau saya beli tanah ni *dah* [sudah] kaya kan *haha* [ketawa]. Sebab Sepang kan ada airport kan. *Tapi* kita bukan orang *korporat haha* [ketawa].

Jadi, saya mengajar di SK Convent Sentul. *Em* di situ saya mengajar selama 2 tahun. *Lepastu* [selepas itu], *em* saya pun tiba-tiba nampak ada surat pekeliling mengatakan ada khusus pendedahan Pendidikan khas, masalah pendengaran dan masalah penglihatan di IAB [Institut Aminuddin Baki] Genting. Saya kata, *"eh ni macam mana eh? Ngajar budak masalah pendengaran dengan*

*masalah penglihatan. Saya nak cuba la"* [bermonolog]. *I* [saya] suka cuba sesuatu yang baru *eh. So* [jadi], saya pun mohon. Selama 2 minggu di IAB [Institut Aminuddin Baki] Genting *tu,* dia ajar Teknik-teknik mengajar murid-murid masalah pendengaran dan masalah penglihatan.

Setelah tamat 2 minggu, kita boleh pilih kalau kita *nak* terjun dalam bidang tersebut, kita boleh pilih, kita *nak* ajar murid masalah pendengaran ke masalah penglihatan. *Tapi* bila saya *nak* pergi buat lawatan ke sekolah masa praktikal 2 minggu tu, kami ke Sekolah Menengah Setapak di Kuala Lumpur di mana murid-murid tu semuanya *urm* masalah penglihatan *la.*

Saya tengok murid-murid penglihatan tu ... *em tak* boleh tengok *la* sebab simpati tengok dengan mata mereka *ye* [ya], masalah kecacatan mereka kan. Jadi, mereka berjalan tu pegang dinding kan [termenung]. *Em* jadi bila sorang *tu* terlanggar, semua jatuh. Pernah masa *tu,* kami ke kantin tiba-tiba ternampak murid-murid nak rehat *ye,* jadi dia keluar. Bila dia keluar *tu,* kita duduk *la kat* [di] tepi dinding. Kita *tak* perasan dan kita *tak* tahu yang dia jalan tepi dinding, dia terlanggar kita. Sorang terlanggar, *habis* [semua] jatuh. *Aduh* sedih nya.

Dia murid masalah penglihatan ni, ada 2 kategori. Satu, buta. Satu, rabun. --- Rabun *tu* macam dia boleh nampak bayang-bayang sikit ha. Jadi, ada sorang murid *tu,* budak Cina *tau,* dia daripada Sabah. Budak ni serabut. Ha muka dia

teruk, memang *dah* [sudah] tak nampak macam wajah. *Kenapa?* Budak Sabah ni dia tolak *bicycle* [basikal] bapak dia nak naik bukit untuk pergi menoreh getah tiba-tiba *asid tu* jatuh ke muka dia.

**SARAH** : ***Astaghfirullahaladzim.***

CIKGU : ......dan habis muka dia teruk *la*. Jadi, nampak mata sikit *je* [sahaja]. Budak *tu* rabun sebab dia boleh jalan sendiri ha, sebab *tu* [itu] kita tahu dia rabun. Kalau dia *tu* buta, dia kena pegang kawan dia. Budak ni boleh jalan sendiri, boleh pegang tongkat. Jadi, cuba bayangkan dia tengok wajah dia *kat* cermin. *Astaghfirullahalhazim... Ya Allah* teruknya kata.

Saya menangis tengok budak *tu*. Kesian *kat* dia. Sebab *tu* saya kata, saya *takleh* [tidak boleh] *la* mengajar budak masalah penglihatan. Saya rasa bila kita ada perasaan simpati pada mereka, rasa macam mana nak ajar. Lagi satu, masalah penglihatan ni, kitakena ingat________dia *tau*. Walaupun, saya ingat lagi Cikgu Hari *tu* pernah *bagitahu* [beritahu] saya, *"takpe awak tak ingat titik-titik tu braille takpe* [tidak mengapa], *sebab awak boleh rujuk dia"*. Saya rasa berdosa kalau dia boleh hafal kenapa tidak saya.

Sebab jarang orang *nak* ambil khusus masalah penglihatan ni. Saya kata, "*urm taknak* [tidak mahu] *lah rasa berdosa*". *Pastu* [selepas itu], *bila* [apabila] saya belajar bahasa isyarat, seronok *pulak* [pula] sebab apa, kita boleh berbahasa

isyarat dengan kawan kita. Dia *duk* jauh, kita boleh nyanyi guna Bahasa isyarat. Kita rasa *enjoy you know* [awak tahu, rasa seronok].

*So* [jadi], saya *pun* nak ambil masalah pendengaran *la*. Jadi, bila keluar iklan, saya *ambik* [mengambil] khusus masalah pendengaran selama setahun. Ha 1989. Ha masalah pendengaran ambik khusus setahun di IPGM (Institut Pendidikan Guru Malaysia). Ha sekarang orang panggil IPG (Institut Pendidikan Guru) *la* kan *okay*.

Selepas setahun *tu*, dia nak buat penempatan. Selalu dia buat penempatan *ikut* [mengikut] negeri *la*. Saya alamat Klang kan, saya *taknak la*. Saya *pun* pergi jumpa *em* --- masatu Pengarah Pendidikan khas tu, Puan Hjh Kalsom. Saya pergi jumpa dia, saya kata, *"saya nak pergi negeri Kelantan"*. Dia kata, *"kenapa nak pergi Kelantan?"*. *"Saya memang dilahirkan kat* [di] *Kelantan, saya nak balik berkhidmat di negeri saya. Lagipun saya suka makanan kat Kelantan, makan laksa, makan nasi kerabu, kat sini tak best*, saya kata.

*Lepastu* [selepas itu], masa dulu *tu takde* [tidak ada] orang nak pergi Kelantan. Depan-depan dia tulis *kat* situ, diluluskan ha. *Then and then* diluluskan. Jadi, saya pun dapat *la* berkhidmat di Kelantan. Jadi, 1990 saya pulang ke Kelantan, saya mengajar murid masalah pendengaran di sekolah yang sama yang saya ajar di *em* dulu saya Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra tapi sebelah

petang sekolah *tu* ha dijadikan sebagai Sekolah Rendah Pendidikan khas. Ha sekolah yang sama *la tapi* dia sebelah petang. Jadi, saya mengajar di sana *la*, Sekolah Rendah Pendidikan Khas, Kota Bharu Kelantan. Begitu *lah scenario* nya.

Saya mengajar murid masalah pendengaran di sana sampai *la* tahun 1993. Masa saya di sekolah masalah pendengaran *tu* [itu] *la*, saya pernah buat pertandingan drama, *bawak* [bawa] murid-murid masuk pertandingan drama walaupun ramai yang mempertikaikannya sebab saya latih murid-murid pendengaran dalam bidang drama lawan murid-murid aliran perdana. Ada ke logik *nya* nak lawan murid-murid aliran perdana.

Sebab kalau ikut kan setiap tahun Negeri Kelantan ada pertandingan drama *tapi* saya rasa budak saya *ni* boleh berlakon. Saya pernah dulu________dalam bidang drama masa di Kuala Lumpur dulu. Jadi, drama yang sama saya latih murid saya urmm drama tentang dadah.

Saya lihat budak masalah pendengaran *ni* memang dia boleh menguasai emosi, boleh betul-betul *concentrate* [menumpukan perhatian] sebab dia tidak ada gangguan suara. *Pastu* [selepas itu] saya kata, *"eh boleh pulak"* [pula]. Suatu hari, saya daftarkan walaupun ada suara-suara sumbang yang tidak yakin tapi saya yakin boleh. Sebab drama yang saya buat *tu* tajuk *GILA*.

**AWATIF : GILA?**

CIKGU : Ha *GILA*. G-I-L-A. Gila, gila *haha* [ketawa]. Jadi *em* dia ada lapan orang pelakon, memang kena lapan orang *lah*, wajib lapan orang dalam drama *tu*. Dalam drama *tu* sorang je boleh cakap betul-betul. Haslinda, dia bercakap *tu* memang boleh tapi dia *tak* [tidak] dengar. Kita panggil_____ni ialah dia pekak setelah menguasai Bahasa ha. Jadi, dia boleh bercakap betul-betul *lah* tapi dia *tak* dengar.

Jadi, saya guna murid ni untuk beri *dialog* banyak. Dua orang lagi murid saya, Nik Azlizawati dengan Soleh dia boleh bercakap sikit-sikit *je* macam *"Mak, nak pergi mana?"*. Dia, *"Mak, gi ane* [mana]?". Ha macam *tu* [itu].

Jadi, dua orang boleh cakap sikit *okay*. Manakala, lima orang lagi *tu takleh* [tidak boleh] cakap langsung. Jadi, bila *takleh* [tidak boleh] cakap langsung *tu* saya bagi banyak emosi, saya bagi watak kawan, sebagai tok bomoh, ---- mengenai Anak Derhaka. Maknanya, sorang budak, Linda ni dia derhaka pada mak dia. Suatu hari, bila mak dia sakit *tu*, dia *tak* peduli *ke* [pada] mak dia, *last-last* [akhir sekali] bila mak dia mati, dia jadi gila.

Dan drama *tu* kita lawan 34 buah sekolah di seluruh Negeri Kelantan dan akhirnya kita dapat masuk *final* [peringkat akhir]. Masuk *final tu*, sekolah kita, _______, Sekolah Kebangsaan Beris Lalang. *Okay* tiga drama *tu final* dan kita dapat nombor satu. Johan mengalahkan semua sekolah biasa. Masuk surat

khabar, masuk *tv* semua. Masa pengadil umumkan keputusan, tidak ada markah simpati dalam penilaian. Memang budak saya layak betul dalam pertandingan drama tersebut. Memang budak boleh buat dengan sebaik mungkin. Sebab *tu* saya kata, setiap murid walaupun dia masalah pendengaran ke penglihatan ke, masalah pembelajaran ke dia boleh *em* melakukan apa saja tugasan dengan baik sekiranya kita yakin dengan mereka.

Masalah pendengaran ni jugak, saya latih murid dalam bidang kompang ya. Budak-budak ni main kompang. Haah, budak masalah pendengaran ni dia *tak* [tidak] dengar tapi kalau suara kuat sangat dia dengar tapi kita kena *guide* [bimbing] dia *lah* berapa *beat* [pukulan] *gitu* [begitu] kan.

*Lepastu* [selepas itu], bila saya tahun sembilan puluh tiga [1993], saya mohon untuk melanjutkan pelajaran di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] dalam bidang Pendidikan khas. Dulu saya cuma ada khusus setahun masalah pendengaran di MPIK [Maktab Perguruan Ilmu Khas], *pastu* [selepas itu], saya melanjutkan di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] ambil *degree* [ijazah] selama tiga setengah tahun dan telah ditempatkan di Sekolah Menengah Ismail Petra juga murid masalah pendengaran.

Masa di sekolah *tu*, saya ajar Bahasa Inggeris, *em* dan --- murid saya ni memang dia boleh hafal *la* macam mana *application letter* [surat permohonan], *pie graph* [graf pai] memang dia boleh jawab. Tiba-tiba bila

soalan *kua* [keluar] dia kena beri, kena buat essay --- saya ingat lagi *essay* [karangan] *tu* gambar seorang murid lelaki memberi tempat duduk pada orang dewasa di dalam sebuah bas. *Hadoi*, murid saya mana boleh nak buat *essay* [karangan] macam *tu*. Kalau application letter [surat permohonan] ataupun kalau *pie graph* [graf pai], *bar chart* [carta bar] *tu* boleh *la*. Tapi kalau *essay* [karangan], murid masalah pendengaran payah *la* sebab dia hilang Bahasa.

Lalu, saya *taknak* [tidak mahu] *lah* mengajar budak masalah pendengaran ni. Sebab, budak-budak ni masalah lain. *Takde* [tidak ada] masalah emosi, masalah tingkah laku *takde*. Ada *la* sorang dua tapi *tak* teruk. Tapi masalah kita mengikuti masalah akademik yang biasa seperti murid normal yang lain. Jadi, saya rasa *tak* adil *la* bagi mereka.

Jadi, saya kata --- masa *tu dah* [sudah] ada masalah pembelajaran. Program masalah pembelajaran ini adalah untuk budak autistik, *down syndrome*,___ ___ada *jugak* [juga] yang perangai teruk emosi, tingkah laku. Saya kata, saya nak cuba yang *tu* lah, mungkin seronok lagi [senyum]. Sebab saya mencari cabaran yang baru.

Jadi, saya pun mohon dan dapat di Sekolah Menengah Tanjung Emas. Sekolah Menengah Tanjung Emas *tu* saya mengajar murid-murid masalah demikian. Seronok murid-murid *tu* [senyum]. Ada yang mengamuk selalu *la*, ada yang pegang pisau, berlari, *berak* [buang air besar] dalam seluar *la*.

Jadi, apabila kita hadapi cabaran macam *tu* --- kadang-kala tidak ada cara Pendidikan yang sesuai di dalam buku, kita sendiri harus cari macam mana cara nak mendidik murid-murid. So, *it is challenging, and interesting* [sangat mencabar dan menarik] sebab *the whole* [menyeluruh] hidayah daripada *Allah Ta'ala*. Biar *Allah Ta'ala* beri ilham pada kita cara nak menangani. Bukan semua masalah boleh diatasi daripada teori yang kita baca. Adakala ilham daripada *Allah Ta'ala* yang beri pada kita macam mana nak mengatasi masalah *tu*.

Pernah saya masa di sekolah *tu*, seorang murid *em* dia suka budak lelaki. Dia suka pegang *tetek* [payudara] budak perempuan ha.

**SARAH** : ***Astaghfirullahalhazim.***

CIKGU : Ha *lepastu* [selepas itu] macam mana nak atasi budak *tu*. Jadi, kita marah dia. Tak dengar, pegang jugak tetek dia. *Pastu* [selepas itu] kata, *eh* payah --- nama Ikram. Saya ingat lagi. Saya kata macam mana budak ni nak atasi dia. *Lepastu* [selepas itu], kita marah ke, kita buat time out ke, dia *tak* [tidak] peduli.

Suatu hari, saya pun *pang*! Tampar dia *haha* [ketawa]. Pun tak jadi *jugak* [juga]. *Ya Allahuakbar* macam mana nak atasi. Budak kalau kita marah ke, dia dengar *kan*. *Yelah* bila pegang budak perempuan tu adalah satu sikap yang harus kita berhentikan *okay*.

Jadi, kita kena cari teknik yang berkesan pada budak *tu*. Suatu hari, saya hadiri khusus di KL [Kuala Lumpur]. Bila saya balik, saya *bawak* [bawa] hadiah sikit pada budak. Jadi, saya bagi pada semua budak lain *tapi* pada dia saya *tak* bagi. Ikram *tu*. Jadi, dia *pun* tunggu sebelum balik. Mak dia *dah* [sudah] datang *dah*. Dia tunggu depan pintu nakbagi. Dia *tak* [tidak] boleh bercakap dia ni. Dia ni dua masalah. Dia masalah pendengaran dan juga masalah tingkah laku.

Jadi dua masalah, yang ___ ___ ___ tadi *okay*. Tapi matematik pandai *haha* [ketawa]. *Lepastu* [selepas itu], saya tak bagi *t-shirt tu kat* [kepada] dia ----- saya *pun* guna Bahasa isyarat *la*, saya kata *tak* bagi sebab pegang *tetek* [payudara]. Dia pun *hiling* [menggiling] kepala. Saya kata, *"balik rumah tido* [tidur], *pastu* [selepas itu] *piker* [fikir]. *Kalau esok taknak pegang baru saya bagi"*.

*Lepastu* dia cuba bukak pintu, saya *tak* bagi. Kita kena tegas *tau* bila kita nak mengubah tingkah laku murid walaupun kita kesian tapi *tak* boleh. Alihkan kesian kita *tu* ke belakang. Kita kena tahu matlamat kita nak ubah tingkah laku.

Jadi dia tunggu lama-lama sampai mak dia datang ke pintu baru bagi. Esok pagi-pagi dia datang jumpa saya, dia [tunjuk Bahasa isyarat] saya pun kata

tunggu *lu* [dulu] satu minggu. Dalam satu minggu *tu* memang dia tak pegang pun tetek budak *tu.* Beerti cara kita tidak memberikan hadiah pada mereka sepertimana kita beri pada orang lain ha *Alhamdulillah,* jadi setiap murid *tu* cara menangani tingkah laku *tu* adalah berbeza *lah* sebenarnya ha.

Jadi, selepas saya mengajar di Sekolah Menengah Tanjung Mas [Kota Bharu, Kelantan], saya ke Sekolah Menengah Kota [Kelantan]. Saya mengajar 2 tahun di Kota. Selalunya saya kalau di sekolah selalu banyak praktikkan mereka dalam bidang pergayaan, drama. Di Kota *pulak* [pula], *focus* [focus] saya berbeza. Saya *ajar* [mengajar] subjek Bahasa inggeris. Semua murid dalam kelas saya boleh bercakap Bahasa inggeris. --- Dia kena bercakap Bahasa inggeris biar cakap *simple as long as it is correct okay* [mudah selagi ianya betul].

Jadi, kalau *lah* sepatah dia cakap melayu, kawan dia sebelah akan *ketuk* [mengetuk] kepala dia *haha* [ketawa] jadi dia *tak* berani *la* cakap melayu. Jadi budak-budak saya di Kota *tu* dia boleh *introduce themselves in English* [memperkenalkan diri dalam bahasa Inggeris]. __ *my mother's name* [nama ibu saya], *my father's name* [nama ayah saya], *my favorite food* [makanan kegemaran saya], semua-semua dia boleh bercakap, *I like to eat* [saya suka makan]. Apabila pelawat datang, dia pun *introduce themselves in English* [memperkenalkan diri dalam bahasa Inggeris].

Memang budak saya boleh bercakap Bahasa inggeris. *Lepastu* [selepas itu], setelah saya berada di sana 2 tahun, tiba-tiba SMK Panji [Sekolah Menengah Kebangsaan Panji, Kota Bharu, Kelantan] *tu* nak dimulakan program. Sebelum *tu takde* [tidak ada], jadi pegawai Pendidikan khas pun datang *la* melamar saya untuk *bukak* [buka] program.

Sebab selalunya kalau buka program ni *takde* [tidak ada] orang nak pergi kenapa ha program baru ni bukan nya kelas baru, kelas buruk, kelas yang *takde* apa-apa. Jadi, *you* [awak] kena *turn into* [berubah kepada] kelas *tu*, kena tukar kelas *tu* jadi menarik. Jadi bukan semua orang suka. Lebih lebih lagi ___ generation. Maaf *ye* cakap *hehe.*

Tapi kita ni suka bila kita ni *invent* [mencipta] sesuatu yang baru. Jadi, saya pun setuju *lah* pergi ke Sekolah Menengah Kebangsaan Panji. Bila pergi sana, saya mula program dengan *sorang* [seorang] cikgu perempuan, nama Cikgu Hafizah. Sampai sekarang saya memang *salute* [hormat] *la* cikgu ni. Memang seorang cikgu yang rajin. Sekarang Cikgu Hafizah mengajar di Sekolah Menengah Bukit Jawa [Kelantan]. Tanpa dia, saya rasa *hurm* saya tidak dapat melakukan yang terbaik *lah.*

Jadi, saya di sana kelas *tu* memang teruk *la,* memang perlu cat semua *lah.* Dalam masa sebulan saja kelas *tu* dah cantik *okay* sebab kita *tak* boleh mengajar murid dalam kelas yang tidak cantik kerana murid ni *dah* [sudah]

ada masalah emosi. Ada *sorang* [seorang] murid *tu*, Aini, saya ingat lagi dia ada masalah *depression* [kemurungan]. Hari pertama dia datang ke sekolah, dia kata, *"tak suka duk* [duduk] *sini sebab kelas huduh* [buruk]*"*. Ha.

*Lepastu* [selepas itu], kami ada kembar dua orang Yusuf dan Yunus, *down syndrome*. Dia berlari dengan pisau, dengan gunting ha dia cari pisau, gunting *tu*. *Pastu* dia jadi emosi dia lagi *tak* stabil, lagi *lah hyperactive* [hiperaktif] kerana kelas yang *tak* cantik. Jadi kita berada di sekolah sampai siang sampai malam. *Target* [sasaran] kita kena sudah kan *jugak* [juga] Dalam masa sebulan kelas kita *dah* [sudah] cantik.

Kebetulan di sekolah *tu* ada seorang cikgu, kakak dia *tu* [itu] Pengarah Pelajaran Pendidikan Khas di KL. Jadi, *em* adik dia bagitahu kakak dia, dia kata, *"eh kelas ni dalam masa sebulan dah* [sudah] *cantik"*. Jadi, orang KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia] *pun* turun tengok kelas kita. Jadi, kita pun terpilih untuk dibuat rakaman sempena hari guru dan lima sekolah terbaik untuk dibuat rakaman.

Jadi, kita pun termasuk *lah* dalam rakaman tersebut. Kalau kita pergi *Youtube*, kita tekan Guru Pendidikan Khas nanti akan keluar *lah*. Ha rakaman yang pertama yang disiarkan semasa sempena hari guru tahun 2-0-0-6. Jadi, ---- sebenarnya ada beberapa rakaman *lah* yang dirakamkan oleh KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia].

*So* [jadi], semasa saya di SMK Panji tu *erm* --- program kami pada peringkat awalnya cuma ada lapan orang budak, naik lima belas, dua puluh lebih sampai lah akhirnya murid kami sampai sembilan puluh sembilan orang. Masa saya di SMK Panji *tu*, itul*ah* di mana saya terlintas *hurm* untuk *concentrate more on vocational training* [lebih menumpukan perhatian pada latihan vokasional]. Kenapa?

Sebab kita ajar murid akademik, betul berpandukan buku tetapi kita faham bukan semua murid kita boleh dalam bidang akademik kerana murid masalah pendengaran kalau *lah* 100%, rasanya yang boleh membaca, menulis cuma 5%, 10% sahaja. Jadi, murid lain *tak* boleh membaca dan menulis. Ke mana hala tuju mereka kalau sekiranya kalau kita tidak besarkan banyak vokasional kepada mereka untuk mereka berdikari.

Jadi sebab itu *lah* saya mula menerapkan lebih menekankan subjek vokasional. Apa lagi nak tanya?

**AWATIF : Ha khusus Pendidikan Khas dengan khusus cikgu biasa ni lain ke?**

CIKGU : Lain. Sebab mengajar murid biasa dengan mengajar murid Pendidikan khas ni tentu *la tak* sama kan ha. Sebab apa, sebab murid Pendidikan khas dia ada pelbagai-bagai jenis masalah ha. Kita *takleh* [tidak boleh] *expect* [menjangkakan] dia *ni* boleh faham apabila diajari. Tapi jangan ingat dia *tak* faham.

Kalau kita mengajar murid biasa, sekali kita ajar murid ni, 10 kali *InshaAllah* dia boleh buat. Maknanya teknik, kaedah berbeza *la*. Dia kena banyak *token,* kena banyak *em* ransangan untuk mereka agar mereka seronok belajar. Kita jangan anggap, bagi saya *la* saya *tak* anggap murid saya sebagai murid saya, saya anggap kawan saya. Ha jadi kemesraan kita *tu* macam sahabat. Tetapi *tak* semestinya kita ni lembut sangat. Tegas tapi penyayang *okay.*

Maknanya kita dengan murid kita ni, kita boleh peluk-peluk, kita boleh sayang. Jangan terlalu tegas murid takut pada kita. Kita bagitahu dia, kita sayang dia tapi kita *tak* suka tingkah laku dia. Kami dengan murid-murid kami memang mesra. Setiap tahun, sekali setahun_______kami akan bawak dia pergi bercuti.

*Okay*, kami bawak dia *erm* naik *flight* [penerbangan] *okay.* Kami bagi dia pakaian yang sama selama 3 hari 2 malam. Beg baju, pakaian yang sama, kita *bawak* [bawa] dia tinggal di hotel, jadi dia akan rasa seronok. Jadi kalau dia melakukan tingkah laku yang tidak baik, nama dia kena potong *haha* [ketawa] ___ ___ ___ *okay* siapa ada tingkah laku yang tidak baik kita potong nama. Ponteng kelas, potong nama dia. Sebab *tu* dia kena tunjuk tingkah laku yang baik ha.

Itu ganjaran kita. Ganjaran akhir tahun ialah untuk *fly* [terbang]. Siapa *tak* suka naik kapal terbang *kan*. Jadi, kita rasa keseronokkan nya bila akhir tahun ha.

Kami pernah *bawak* [bawa] dia ke KL, kami pernah *bawak* [bawa] ke Langkawi, kami pernah *bawak* [bawa] dia ke Cameron Highland. *Erm* Cameron Highland *tak fly la* kan *haha* [ketawa]. Jadi, itu *lah* seronokkan murid-murid saya sebab kalau kita bawak dia bercuti, kita tengok *la* budak-budak biasa pergi bercuti *bawak* [bawa] beg macam-macam jenis. Ada yang orang kaya boleh *bawak* beg cantik. Yang miskin bawak kampit jadi kesian la kan. Jadi kita belikan beg sama untuk dia *okay* jadi seronok nampak cantik. Baju pun sama. Cikgu-cikgu pun sama selama 3 hari 2 malam [senyum].

*Pastu* [selepas itu], kita *bawak gi* [bawa pergi] makan *kat* [di] tempat yang dia *tak* pernah makan. Kalau kita pergi ke Penang, kita *bawak* [bawa] dia makan sana________jadi dia rasa seronok *la. Bawak* [bawa]________jadi kita beri dia pengalaman yang sukar mereka lupakan ha. Kita *bawak* mereka tinggal di hotel. Kalau tidak kalau pergi rombongan biasanya tinggal di hostel *eee* tak baik *lah*. Mereka ni insan istimewa jadi harusnya kita angkat mereka, kita gembirakan mereka, kita bahagiakan mereka. Kalau kita letak mereka di apa...di hostel *hurm* di khemah rasanya berdosa *pulak* [pula].

**SARAH : Dia pun macam nak *experience* [pengalaman] macam kita ni *jugak* [juga] kan.**

CIKGU : Yelah, kita pun suka duduk tempat yang menarik, kenapa tidak murid kita *jugak* [juga] kan. Adakala kebanyakkan mereka ni bukan dari keluarga yang apa...yang kaya *la*. Kebanyakkan yang rendah *tu* ekonomi sebab *tu* mereka

gembira kalau mereka dapat pergi bercuti. Adakala kita *tak* perlu keluar pun dari Negeri Kelantan ni. Jadi itu *lah* keseronokkan apabila kita dapat pergi bercuti.

Kalau kita dapat pergi bercitu dengan murid kan, kita dapat tahu macam mana pelbagai jenis masalah mereka. Ada murid yang pandai kemas beg baju. Ada yang *lempar* [buang] *je* [sahaja]. Ada murid yang keluar pergi tandas *tu*, nak masuk tandas dia *bukak* [buka] baju depan-depan ha. Walaupun murid *dah* [sudah] umur 18 tahun ha cuba bayangkan. Ha dia *tak* pandai. Memang *kat* [di] rumah dia macam *tu* [itu] *la.*

Ada pernah saya tidur dengan --- saya pernah letak sorang guru dengan dua orang murid dalam sebuah bilik. Macam saya pernah duduk dengan saya kata kembar, Yusuf dan Yunus *tu* budak *down syndrome.* Saya tidur bersama dengan dia. Kita ada katil besar *lepastu* katil *kecik* [kecil]. Kita tidur dalam katil kecik, dia tidur dua orang katil besar. Budak kembar ni nak tahu, bila dia tidur *pattern* [cara] *tido* [tidur] dia sama. Kalau yang mula-mula *tu* pusing kanan *tak* lama *tu* yang *sorang* [seorang] lagi *tu* pusing kanan *haha* [ketawa].

———

*Pastu* [selepas itu], pernah dia mandi *ye* [ya], pergi mandi dua-dua telanjang bogel *haha* [ketawa]. *Lepastu* [selepas itu]______ada pernah sekali *tu,* dia pergi mandi dia *bukak* [buka] air panas. Air panas! Jadi *menempik-nempik*

[menjerit-jerit] dia *haha* [ketawa] kat hotel kan. *Pastu* [selepas itu], budak *tu* dah umur berapa *eh erm* tujuh belas. Saya pergi masuk terkejut tengok_____ ___*Pastu* [selepas itu], saya kata *"Allahuakbar budak ni tak cukur lah"*. Saya pun bila habis percutian, saya pun bagitahu kat bapak dia, *"boleh tak tolong ajar cukur bulu ketiak, kat bawah tu semua semua tempat"*. *Diorang* [mereka] *tak* peduli benda-benda macam *tu.*

Jadi, benda-benda macam *tu,* ibu bapa kadang-kala *tak* perasan tapi bila kita bercuti kita tahu *la* budak *tu* dah besar, jadi dia kena ajar *la* kan benda remen-temeh. Serupa *jugak* [juga] budak perempuan. Kadang-kala bulu ketiaknya *tak* buang *la* tapi sebab ibubapa nya *tak* peduli *la, tak pikir* [fikir] benda-benda macam *tu.*

Jadi bila kita berada bersama mereka *tu* kita boleh ajar cara mereka kemas beg, cara *erm* apa...nak ikut giliran, cara kawal emosi semua *tu.* Jadi bila kita berada bersama mereka 3 hari 2 malam *tu* adalah satu kesoronokkan ha. Sebab ada kalanya kita boleh latih mereka berdikari agar mereka *tu tak* rasa *stress* [tekanan].

Tapi ada *jugak* [juga] *sorang* [seorang] murid *tu,* Hidayah. Padahal budak ni memang *kat* [di] sekolah memang *very good* [sangat bagus] *la.* Boleh *handle* [mengendalikan] budak *kecik* [kecil] yang lain. Tetapi bila pergi bercuti, Hidayah ada masalah emosi yang teruk. Masalah macam mana, nak balik

rumah, menangis semua-semua kan. Padahal budak ni bagus *tau.* Menangis nak balik rumah. Saya buat *tak* tahu *je* [sahaja] ha. *Pastu* [selepas itu], dia jalan *slow-slow* [perlahan-lahan]. Kita pun cepat-cepat naik lif, kita tutup lif buat tak tahu *je* dia pun cepat-cepat lari.

Kita *tak* boleh nak layan sangat emosi budak. Jadi, *tak* kan *la* kita nak balik sebab dia. Jadi, kita *train* [latih] dia. Dia boleh *down* apabila berpisah daripada keluarga sebab *tak* pernah berpisah. ___ Hidayah *tu* dulu memang budak yang bijak, boleh *handle* [mengendalikan] budak lain tapi bila bercuti *IQ* [Intelligence Quotient] dia *drop* [jatuh]. *Monyok* [murung] menagis, semua-semua.

Kita *bawak* [bawa] pergi masuk bilik ha suruh mandi *duk* [duduk] *berkembang gantung* lepas20 minit tiba-tiba______ memang tegas *la* dengan dia kan. Masa *tu* kita pergi ke Penang ha. Masa kat Penang *tu* kita sewa macam *kondo* [kondominium]. Kondo *tu erm* dekat mana *eh,*_tu dia ada *apartment* [pangsapuri], dia ada 3 bilik. Jadi maknanya, ada *lah* PPM bersama. PPM *tu* Pembantu Pengurusan Murid *eh.* Yang bantu cikgu. Ada sekali *la* kan. Maknanya kita sewa *la* bilik budak *laki* [lelaki] lain, budak perempuan lain ha macam *tu* lah. Awatif, nak tanya apa lagi? Siti Sarah?

**AWATIF : Cabaran Cikgu bawa anak-anak istimewa ni pergi bercuti yang paling susah nak *handle* [kawal]?**

CIKGU : *Em* paling susah…*takde* [tidak ada] paling susah seronok ada *la* [senyum]. Cuma satu kita kena pasti kan bahawa sorang guru kena pegang tangan kiri kanan dua orang murid. Sebab *tu* kalau bercuti, kena pasti kan yang pergi bercuti *tu* kena ada sorang guru dan dua murid. *Tak* boleh kurang guru, kenapa, sebab kita nak *bawak* [bawa] anak orang kan ha kena *colik* [culik] ke apa, *accident* [kemalangan] ke apa. Sebab *tu* selalu kat sekolah saya ajar murid saya menjerit. Menjerit sekuat mungkin. Siti Sarah cuba menjerit sekuat mungkin. Cepat menjerit!

**SARAH : *AAAA!* [menjerit]**

CIKGU : Awatif cuba menjerit!

**AWATIF : *AAAA!* [menjerit]**

CIKGU : *AAAA!* Macam *tu*. Kalau kita menjerit perlahan *okay*. Kalau berlaku apa-apa macam mana. Ha sebab *tu* saya latih murid saya menjerit dengan sebaik mungkin. Guna perkataan *'TOLONG'* [menjerit] kuat-kuat. *'CIKGU'* [menjerit] kena kuat. Kalau *'Aaa Aaa' in case* [sekirannya berlaku] orang nak culik dia macam mana ha.

Sebab *tu* kena latih suara dia *tu* biar kuat. Saya memang latih sebab kita takut *tau* apa-apa risiko. Tapi setakat ni sering kali kita bawak murid keluar, *Alhamdulillah la Allahuakbar Syukur la Allah Ta'ala* memang jaga kita *la.*

Cuma masalah *tu la* Hidayah *tu la*. *Tu* bukan masalah sangat Cuma *tak* nak kita buat *bodo jela* [bodoh sahaja] kan *haha* [ketawa]. Dia ikut *jugak* [juga].

Jadi, *em* yang lain *takde* [tidak ada] *la* masalah, seronok dengan murid-murid. Sebenarnya, tidak ada masalah yang kita tidak boleh selesaikan. Kita ingat *Allah Ta'ala* ada bersama kita. Ingat, *yelah* kita nak bawak budak *tu* rasa seronok, rasa boleh berdikari itu yang seronok nya setakat ni *takde* [tidak ada] *la* apa-apa masalah yang yang timbul sebab kita pastikan ada dua orang murid dijaga oleh seorang guru itu penting.

Keselamatan murid adalah penting itu yang paling utama walaupun biasa *la* bila kita nak buat program ada *lah* cikgu yang pertikai. Kenapa cikgu nak pergi ramai sangat. Kenapa PPM nak pergi ramai. Dia bergantung pada murid *lah*. Kadang-kala saya buat macam ni, saya cari *volunteer* [sukarelawan] luar. Contoh, kalau saya yang mengajar spa dua orang, PPM nak boleh *amik* [ambil] tiga orang jadi murid kita ramai *tak* cukup, saya cari *la volunteer* [sukarelawan] luar. Cari *la sape-sape* [siapa-siapa], kawan-kawan ke, anak sedara ke, *sape-sape* [siapa-siapa] *je* [sahaja]. Jom! *Sape* [siapa] *tak* nak pergi *holiday free* [percutian percuma]. Dapat baju, dapat beg, dapat naik *flight free* [penerbangan percuma] *sape* [siapa] *tak* nak pergi kan.

Jadi, kita cari. Kadang-kala masa kita pergi ke KL saya ada kawan ataupun sepupu saya kat KL________Ha ada satu lagi cabaran yang pernah mula-mula

sekali nak pergi ke KL, baru teringat. Kita *dah* [sudah] *book flight* [menempah penerbangan] *okay*. Nama budak *tu* Azimah. Dah *book flight* semua tiba-tiba *dah* [sudah] sampai kat *airport* [lapangan terbang] budak *tu tak* nak naik kapal terbang *haha* [ketawa].

Jadi, dia *takleh* [tidak boleh] pergi *lah*. Jadi hilang *la* tiket dia. Tiket *pulak* [pula] *return flight* [penerbangan pergi dan balik]. Habis ha *tu lah* Azimah sebab *tak* biasa berpisah dengan dengan keluarga dia. Sebab *tu* budak-budak ni kita kena *trained* [melatih] dia *la*. Kalau *tak* nak berpisah dari keluarga dia masalah nya apabila murid *tu erm*......tamat persekolahan *besok* [esok]. Dia *tak* kan pergi kerja jauh dari keluarga dia ha itu *lah* masalah.

**SARAH : Masa cikgu pergi *holiday* [bercuti] *tu* berapa orang guru selalunya akan pergi?**

CIKGU : Dia bergantung lah pada murid berapa orang. *Okay*, contoh kalau macam murid spa saya ada 25 orang pastu kita tengok dalam 25 orang tu ada tak budak kena *blacklist* [senarai hitam] [ketawa] ada *tak parent* [ibubapa] yang *tak* benarkan, kalau *parent* [ibubapa] *tak* benar mana boleh bawa kan. Ada juga *parent* [ibubapa] yang pelik-pelik. Contoh kita pernah buat subjek pengurusan diri *ya* kadang-kadang kita tengok budak asik tergaru-garu kepala *apa hal* [kenapa] garu-garu kepala, kita *pon* balik garu kenapa kutu *ha*.

Jadi *bila* seorang murid *tu* ada kutu dia pon berjangkat *kat* kita betul ke *dak* [tidak] betul-betul. Jadi saya dan sahabat saya "*Jom kita buat*" kita buka rambut semua budak, kita bubuh *obat* [ubat] kutu, kita balut dengan tuala, kita cari kutu budak betul ke *dak* [tidak] pastu kalau sapa [siapa] yang rambut panjang kalau keluarga dia bagi gunting dia balik rumah *lah* keluarga dia urus *lah* gunting. Jadi kita cari kutu budak. Ada *lah* sorang budak *tu tak yah* [itu tidak harus] sebut nama *lah*. Mak dia marah kita cari kutu anak dia, sebab apa dia kata "*Apa main kepala anak saya*".

Kita sebenar niat kita ikhlas betul ke *dak* [tidak]. Jadi bila parent tak paham , kita sebenar apa--- dah dia tak nak cari kutu dia, kita cari lah. Sorang *tu je* [itu sahaja] *lah*, yang lain *okay lah tak* ada masalah *lah*. Jadi masalah nya kadangkala bukan semua parent tu beri sokongan tapi sorang *tu je* [itu sahaja] *lah*. Pastu murid-murid saya ni di sekolah saya, saya buat tabung okay. Jadi apabila dia lepas ke kentin, *bila* dia *dah* makan, jadi duit lebihan dia *tu*, dia simpan dalam tabung dia. Tabung dia tu kita label kan nama dia.

Jadi *bila* akhir tahun, *bila* nak pergi bercuti, dia akan bawak lah duit dia *tu okay*. Jadi kita akan buat pertandingan, *sapa* [siapa] dapat kumpul duit paling banyak nanti dapat hadiah *okay*. Jadi setiap kali budak kadang-kadang lepas beli kita ajar dia air bawak daripada rumah *tak* payah *beli*, tapi *beli* makanan yang megenyangkan, nasi ke, mee ke *okay*. Duit lebih *tu* simpan dalam tabung. Ada-ada setengah budak tu memang dia simpan banyak setiap tahun *lah*. Ada

pertandingan--- pastu nak pergi--- nak pergi *holiday* [bercuti] bawa duit tu sebagai duit poket dia. Jadi masing-masing simpan duit. Ada seorang murid *tu*, bila akhir tahun duit dia ada tiga ratus lebih *ha*. Masa *tu* kita nak pergi Langkawi. Duit dia tiga ratus lebih dia simpan. Kita bilang [kira] *lah*. Jadi kita pon tambah *lah* duit sikit, dua puluh ringgit ke, kita cukupkan duit dia tu *okay*. Jadi duit tu semua kita letak________hujung bulan kita akan keluar kan duit *tu* kita simpan kita tulis dalam buku. Pastu bila akhir-akhir tahun, *bila* nak pergi bercuti, kita letak dalam *envelope* [sampu surat] setiap nama, kita pegang duit *tu* okay.

Jadi *bila* kita pergi holiday guru yang *in charge* [bertugas] tu akan pegang duit *tu*, Jadi budak *tu* nak *beli* apa pon boleh dengan duit tu *hmm*. Jadi saya pernah pegang [duit] budak nama Awatif *okay,* yang ni yang ada duit tiga ratu lebih. Jadi kita pergi Langkawi, pergi Langkawi *okay*--- coklat lah beli kat Langkawi kan. Jadi budak ni nak coklat tu. "*Nak coklat tu, coklat tu*". Kita beli *je* lah duit dia kan betul *dak* [tidak]. Sampai dia paling banyak sekali coklat [Awatif] *okay*. Bila sampai *kat airport* [lapangan terbang] *okay,* kita bagi *lah* dia bawak balik, yang ni coklat dia.

Lepas sehari *tu* mak dia tanya mana duit awatif [ketawa]. Mana boleh *tu* duit dia, dia nk beli coklat, kita beli *lah* [ketawa]. Jadi gitu *lah* --- Jadi setiap tahun kita bagi budak *tu* simpan duit sendiri untuk sebagai duit poket dia *hmm*. Kita sebenarnya bila kita bercuti kita tidak menyusahkan ibubapa. Ibubapa tidak

perlu memberi atau membayar apa-apa pun untuk *trip* [perjalanan] ini. Maknanya tak payah keluar satu sen pon. Kita *tak* mintak duit dengan ibubapa. Saya sebenarnya saya tidak setuju apa *bila* kita *nak* mengada *trip* [perjalanan] dengan budak-budak, ibubapa yang harus sediakan duit tambang, duit makan kenapa pulak cikgu yang *organize* [mengatur], cikgu yang kena usahakan.

Kita tidak harus memaksa ibubapa nak keluarkan [duit]. Pernah dulu seorang guru lain buat *trip* [perjalanan] di Genting Highland. Budak *tu* kene bayar dua ratus ke tiga ratus ringgit. Kesian [sedih] kadangkala diorang *ni* beli makan untuk seminggu dua betul *dak* [tidak]. Tapi anak dia menggelepa nak ikut. Jadi terpaksa *lah* ibubapa merungut *lah* jugak *lah* kesian tapi nak buat macam mana dah anak dia nak pergi. Kadangkala dia ada anak kembar terpaksa *lah* keluarkan duit. Jadi bagi saya itu memaksa, bagi saya kalau awak nak buat *trip* [perjalanan], awak *kene* cari duit walauapa cara sekali.

Jangan sekali-kali memaksa ibubapa untuk keluarkan duit untuk *trip* [perjalanan] *tu. Tu* duit makan ke, duit tambang ke. Cikgu yang *organize* [mengatur], cikgu yang kene cari. *Tu* yang bagi saya *it should be like that* [ia kena macam tu] *lah* kan. Kita tidak boleh *nak* memaksa mereka untuk menyediakan pembelanjaan sebab setiap orang mempunyai cara hidup dan perbelanjaan kos dalam rumahtangga yang berbeza kan. Kita *tak* boleh anggap semua orang ada duit. Kalau kita memaksa mereka, saya rasa itu adalah satu

cara yang salah *lah, I think it not right* [saya rasa itu tidak betul] *lah tu je*. Ada apa lagi soalan? [ketawa]

AWATIF : **Cikgu kalau kita *nak* jadi cikgu pendidikan khas *lah*, kaiteria macam mana seseorang *tu lah* untuk jadi Cikgu pendidikan khas. Kita *kene* sabar, banyak sabar *lah*.**

CIKGU : Macam-macam kaiteria untuk jadi guru pendidikan khas. Mesti sabar, mesti berminat, mesti bertanggung jawab, mesti seronok mengajar, mesti kreatif, mungkin ada yang mesti ikhlas. Tapi yang paling utama ialah kita anggap mereka itu adalah anugerah *Allah* dan *tu* adalah tanggung jawab kita untuk mendidik mereka. Jangan jadi kan *career* [kerjaya] kita *tu*--- setengah orang nak menjadi guru pendidikan khas ni sebab dia nak "*Senang gajar murid-murid pendidikan khas ni, ada beberapa orang murid sahaja*".

Salah, sebenarnya sorang murid pendidikan khas *tu* macam mewakili tujuh orang murid biasa atau *pun* sepuloh orang murid biasa. Payahnya menjagar murid pendidikan khas tu sebenarnya. Tapi berantung pada anda *lah* macam mana persepsi anda. Kalau kita mengajar murid pendidikan khas, tetapi kalau kita tidak ikhlas, tidak ke *Allah Ta'ala* menilai kita *ha*. Jadi sebab *tu lah* kalau sekiranya kita *nak* jadi pendidikan khas, nawaitu kita *tu* kena betul. Kenapa? *ha*. Kalau bagi saya, saya rasa dia adalah anugerah *Allah* dan kita harus cuba untuk membantu dia sebaik mungkin. *Tu* lah sahaja sebab dia.

Kalau *nak* jadi guru pendidikan kkas, kalau anda rasa anda *tak* ikhlas tak usah *la*. Ada juga cikgu pendidikan khas yang memandang remeh kepada murid. Ada yang meyentuh murid dengan satu jari sahaja *ha*. Rasa *Allah hu akbar*, jijiknya dia pada murid-murid pendidikan khas. Berdosanya anda, sedangkan murid *tu* adalah anugarah *Allah* yang ujuan untuk anda, mungkin dia yang akan membimbing tangan anda masuk ke syurga [bunyi motor], mungkin dia akan membimbing tangan anda meniti siratul mustaqim. Jadi jangan sekali-kali memandang remeh pada mereka sebab kita *tak* tahu mereka ni mungkin tidak ditutup hijabnya betul ke *dak*. Kena paham *lah* sebenarnya, setiap apa yang kita lalui, setiap apa yang kita lakukan tu akan disoal diakhirat kelak.

AWATIF : **Okay Cikgu, sekarangkan peningkatan covid-19. *So* [jadi] pengajaran dan pendidikan ni orang panggil apa dirumah, PdPR [Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah]. *So* [jadi] kaedah ini digunakan jugak ke untuk pendi_______untuk pelajar istimewa ini, pendidikan khas?**

CIKGU : Memang digunakan jugak, tetapi tidaklah berkesan sangat kan biasalah. Untuk pendidikan khas ni dia *tak* guna *Google Meet* okay, dia guna *Whatapp je* yang saya cakap tentang apa yang saya tahu *lah* kan, sahabat-sahabat saya *lah* kan okay sebab saya ni dah pencen. Entahlah diorang kata saya dah tua dah umur '60 terpaksa dipencen kan [ketawa]. Jadi saya dan pencen pada 4 Desember 2019. Walaupun saya *tak* nak pencen tapi di pencenkan, sedihnya.

Saya sebenarnya saya mohon contract sebenarnya untuk sambung mengajar. Bende ni dah lulus, JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] dah lulus tapi apabila kerajaan bertukar tertiba *fail* [gagal] semua sekali, sedihnya. Tapi *takpa* [tidak apa] *lah* setiap yang berlaku ada hikmahnya okay. Jadi *okay* PdPR [Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah] sekarang ni kan *okay* jadi apa yang saya dapat tahu daripada kawan-kawan saya *lah* buat PdPR [Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah] tu kan dia macam dia letak dia masukkan latihan kerja melalui *WhatApp* ataupun video melalui *WhatApp* ataupun pastu murid buat kerja hantar balik melalui *WhatApp* pastu dia video *call* [panggilan] *something like that* [lebih kurang macam itu] *lah* kan.

Tapi bukan semua murid yang ikut *lah*, biasalah murid sekarang, ada setengah murid *tak* buat langsung. Tapi bagi saya PdPR [Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah] semasa covid ni paling bagus ialah ibubapa yang kena train. Contoh bagi saya. Letak subjeck "*Cara makan yang betul*" jadi pastikan cara makan di tu sebab kadangkala murid ni makan guna tangan kiri, ada yang *tak nak* makan guna tangan, ada yang cara suapan tu salah, masukkan semua jari dalam mulut. Macam mana nak jadi kena ibubapa *lah* yang mainkan peranan penting, cara pengunaan tandas yang betul, cara ke tandas dengan betul sebab ke banyakan murid kadangkala buka je seluar kat luar tandas kenapa sebab dibiasakan.

Jadi bila dia dah dewasa macam mana *ha*. Pernah kat sekolah budak lelaki di buka *je* seluar telanjang--- aduh pening *ha* sebab apa, *kat* rumah macam tu, *ha* tu masalahnya. Jadi ibubapa yang main peranan penting tetapi faham-faham *lah*, bukan semua orang ingin mengambil bahagian kan *ha*. Macam *tu* lah, sebenarnya [batuk] budak murid pendidikan khas ni susah sebenarnya nak mengajar melalui PdPR [Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah] ni sebenarnya. Mereka harusnya kene kat luarlah kan *live class* [kelas langsung], *by touching* [dengan menyentuh] *tu importance* [penting]. *Tak* leh cakap banyak-banyak *tak leh* komen banyak-banyak nanti *kene* marah [ketawa] sebab awak takpa, awak cikgu pencen [ketawa].

AWATIF : **Okay Cikgu soalan seterusnya. Dalam mendidik pelajar pendidikan khas ni Cikgu banyak mendapat anugerahkan, anugerah di peringkat antarabangsa, kebangsaan semua. Boleh Cikgu sebutkan atau ceritakan sedikit anugerah dan kejayaan pernah Cikgu perolehi sepanjang menjadi seorang guru pendidikan khas.**

CIKGU : Aduh banyaknya *nak* pikir [ketawa]. Macam mana cikgu boleh mendapat anugerah tersebut. Anugerah, banyak saya dapat anugerah, peringkat daerah, peringkat negeri, peringkat kebangsaan dan anugerah perkhidmatan cermelang. Anugerah di peringkat Malaysia saya dapat sebanyak 16 anugerah. Peingkat daerah 1 sahaja. Peringkat kebangsaan saya rasa 3 atau 4 anugerah. Lepas tu peringkat negeri rasa 3 ke 4. Lepas *tu* anugerah perkhidmatan cermerlang--- saya pon tak ingat dah [ketawa] banyak sangat senarai kan.

Jadi kenapa dapat anugerah tu saya pon tak tahu. Kadangkala menyesal jugak orang marah "*Asik-asik dia je*". Tapi bagi saya apabila *you* [awak] dapat anugerah pada tahun ini, bagi saya *tu* bukan anugerah tahun ini. Itu anugerah tahun hadapan sebab anugerah ni bagi saya, *Allah Ta'ala* menilai kita setiap masa. Bagi saya, saya tidak pernah bahawa berhenti berkerja walaupun pada tarikh terakhir perkhidmatan saya. Manakala kita tidak berkerja bererti *ha* apa tu gaji kita tak halal *lah*. Kita harus pastikan kerja kita buat, gaji yang kita dapat tu adalah halah.

Jadi kerja sebaik mungkin walaupun awak sudah dapat berjuta anugerah dia tidak menjanjikan apa-apa, kalau sekiranya *Allah Ta'ala tak* redha awak *tu* sebenarnya. Sebab kalau kita dapat anugerah kita rasa *"Oh bagusnya dapat anugerah"* tidak ada. Saya rasa takut apabila dapat anugerah. Kenapa? sebab *Allah Ta'ala* menghakimi saya setiap masa. Saya harus pastikan bahawa saya lakukan yang terbaik untuk murid-murid saya, saya harus pastikan bahawa saya ikhlas ketika berkerja. Berkerja ni bukan untuk mencari nama, tidak nauzubillah. Jangan terlalu riak, jangan sombong apabila anda mendapat anugerah.

Bagi saya tidak ada apa-apa lagi yang paling penting sebenarnya kita kerja seikhlas mungkin kita mohon keredaan *Allah*. Kita kerja ikhlas kerana *Allah* kerana apabila kita kerja ikhlas kerana *Allah* kita mohon agar *Allah Ta'ala*

berkat hidup kita. Keberkatan tu paling penting sebenarnya, bukan anugerah. Jangan sesekali berkerja untuk anugerah, tidak. Tidak pernah saya berkerja untuk anugerah, tidak. Kadangkala apabila JPA [Jabatan Pendidikan Negeri] bagi saya borang untuk isi anugerah, borang itu saya tolak saya tidak mahu mohon. Kenapa sebab penat isi borang ini.

Isi borang anugerah ini bukannya--- pelbagai jenis anugerah, pelbagai jenis borang bukan format yang sama. Kalau di luar sana process satu sahaja, di sini borang anugerah guru pendidikan khas di peringkat negeri dengan peringkat kebangsaan mesti_ ___ borang anugerah untuk ikon berbeza, borang anugerah untuk tokoh macam saidatina khadijah kerajaan negeri berbeza dan kadangkala format dia itu bertukar-tukar. Jadi pening isi borang anugerah [geleng kepala]. Saya pernah hendak isi borang anugerah kadang-kala mengambil masa sebulan [ketawa], kadang-kala bergaduh dengan orang JPN [Jabatan Pendidikan Negeri] orang PPD [Pejabat Pendidikan Daerah].

Dia bagi borang ini dia kata "*Dua hari ini harus siap*", mana boleh saya siap dua hari. Sampai dia telefon [orang Jabatan Pendidikan Negeri] saya kadang-kadang tidak angkat telefon. Saya tidak boleh kalau hendak ikut, itu saya tidak reti. Masa itu dia telefon sekolah cakap *"Cikgu ini tidak hantar lagi borang"*. Dia *pressure* [tekan] kita, saya peragai saya kalau mahu buat saya buat kalau tidak baik tidak perlu buat, sampai gaduh. Saya ingat lagi orang PPD [Pejabat Pendidikan Daerah] entah apa nama dia [ketawa] dia marah saya.

Ingatkan boleh senang ke hendak isi borang dalam masa dua hari. Anugerah ini kadangkala dia surah kita buat *report* [lapor], sesetengah anugerah sepanjang perkhidmatan kita, sesetengah anugerah dia letakkan lima tahun. Jadi kita perlu *compile* [kumpulkan] dari pada sumbangan, kokurikulum, bahagian perkhidmatan ____hmm dia ingat senang. Saya kata *"Saya tidak siap saya tidak mahu hantar"* [geleng kepala]______ mesti kita perlu *binding* [ikat] cantik-cantik buat *hardcover* [penutup keras] ke apa. Kalau hendak *binding* [ikat] biasa-biasa ehh bukan *class* [taraf] saya [ketawa]. Sampai gaduh-gaduh dengan orang sebab saya tidak suka sebenarnya isi borang.

Kadangkala saya malu, balik-balik kita sahaja terima anugerah________susah hendak cakaplah kan. Jadi itu lah lebih kurang [ketawa]. Sebenarnya jangan berkerja untuk anugerah bagi saya tidak ada apa anugerah itu. Ia sekadar sekeping kertas itu sahaja. Tidak adalah--- kamu hendak rasa bangga tidak adalah semuanya kuasa *Allah Ta'ala* kamu hendak angkat sebatang jari itu tidak boleh sekiranya *Alllah Ta'ala* tidak izinkan.

AWATIF : **Okay, lepas itu untuk apa yang saya tahu Cikgu banyak dijemput dari sekolah-sekolah daripada university untuk bagi *talk* [ceramah] untuk bagi *lecture* [kuliah]. *So* [jadi], boleh Cikgu ceritakan program yang**

**macam mana, lepas tu_______[ganguan internet] yang mencabar pada Cikgu macam tajuk yang diberikan oleh penganjur untuk sampaikan.**

CIKGU : *Okay* hmm saya pernah perkongsi sama ada pada murid- murid pendidikan khas, pada guru-guru pendidikan khas, pada pegawai, pada student-student university, pada pegawai JPN [Jabatan Pendidikan Negeri] apa lagi hmm. Kadangkala saya di jemput untuk memberi *talk* [ceramah] kepada guru-guru aliran perdana. Dulu saya selalu banyak berkongsikan kepada murid-murid pada guru-guru pendidikan khas okay diseluruh Malaysia. Lepastu banyak talk [ceramah] pada guru pendidikan khas tapi baru *ni* dijemput untuk guru aliran perdana untuk motivasi dan kebanyakan *topic* [tajuk] yang saya beri ini tentang pengurusan tingkah laku, tentang motivasi, tentang kaedah-kaedah teknik dan tentang cara *best prectice* [amalan terbaik] dan juga pendidikan seksual.

Tentang pendidikan seksualiti ini sebenarnya pada mulanya pada tahun 2015 saya di jemput oleh SEMU SEN untuk beri sharing [berkongsi] tajuk pendidikan seksualiti______Human Security for Special Need oleh SEMU SEN untuk saya beri *lecture* [kuliah] pada gugu-guru pendidikn khas Asia Tenggara. Saya ingat lagi Dr. Yasmin suruh saya buat bagi talk tentang itu. Jadi perserta ini adalah guru pendidikan khas daripada Malaysia, Kembodia, Myanmar, Vietnam, Brunei, Singapore______ jadi saya kata *"Okay suka subjek yang baru"* tapi saya kata *"It okay I can try"* [Tidak mengapa saya boleh cuba]. Tetapi tiba-tiba bila dapat surat saya perlu bagi *lecture* [kuliah]

sembilan slot maknanya lepan belas jam untuk topik itu sahaja. ______ *Normaly lecture* [biasanya kuliah] dua jam kan, kalaulah lapan belas jam *it is quit long* [ianya agak panjang] lahkan.

Alamak lapan belas jam sampai sembilan slot tapi walau apapun *I have to do it* [saya harus buat juga]. Jadi saya perlu buat *research* [penyelidikan] apa semua. Jadi saya pergi ke Melaka untuk bagi *lecture* [kuliah] itu. Lepas itu memang masa itu memang dia bagi masa dalam tempoh seminggu saya tidak pijak bumi Melaka. Habis *lecture* [kuliah] itu saya *check slide* [semak slaid], saya *check slide* [semak slaid] sebab sembilan topik kan kena. Jadi memang saya handamlah tajuk seksualiti itu [ketawa]. Tapi baguslah pengalaman, jadi sejak itu saya banyak sharing on topik Human Seksualiti itu hinggalah saya dijemput sharing di UAE [United Arab Emirates], di Sharjah di Arab satu, United satu, di Vietnam, di Singapor kebanyakannya saya banyak sharing tentang tajuk Human Seksualiti sebab itu adalah subjek yang penting sebenarnya untuk kita bantu mereka.

Kadangkala subjek ini bukan sahaja untuk murid pendidikan khas bukan sahaja guru pendidikan khas tapi juga untuk semua. Saya pernah juga *sharing* [berkogsi] subjek ni kepada *student* [pelajar] di polisas politeknik di Kuantan. Maknanya bab masalah pendidikan seksuliti ini bukan hendak mengajar sek tapi untuk pencegahan penderaan seksual tu sebenarnya. Saya sebenarnya dalam *process* [proses] menyiapkan buku tentang pendidikan seksualiti tapi

saya buat dalam bahasa inggeris jadi tidak tahu lagi macam mana hendak terbit itu sebenarnya.

AWATIF : **Saya seperti yang saya tahu juga Cikgu pernah berkhidmat untuk ayahanda mantan Yang Dipertuan Agong Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Sultan Yahya Petra di Istana Mahkota di Kota Baharu untuk process permulihan. Jadi apakah yang membuatkan Cikgu bergiat untuk process permulihan itu. Adakah Cikgu dijemput ataupun sukarela untuk berkhidmat dan boleh kami tahu process permulihan apakah dan bagaimana process itu dilakukan.**

CIKGU : *Okay hmm* saya pernah berkhidmat untuk arwah Tuanku Sultan Ismail Petra emm macam mana ya mula-mula saya [senyum] emm macam ini sebenarnya saya beli rumah ini sebenarnya rumah Raja rumah Tegku Anis rumah sultan sebenarnya. Masa duduk sekarang ni tapi bukan rumah besarlah rumah semi d. Jadi bila saya beli dengan mereka dia tahu bahawa saya ini mengajar murid pendidikan khas. Lalu dia tanya sama ada saya boleh mengajar shift ke tidak saya kata *"Boleh"* sebab dulu saya mengajar murid pendidikan khas masalah pendengaran memang saya ambil krusus shift juga.

Jadi dia suruh saya pergi ke istana *I introduce myself* [memperkenalkan diri] di istana lepas itu lalu dia juga suruh saya ke istana tiga kali seminggu untuk mengajar Sultan Ismail ___sebenarnya dulu dia pernah *engage* [terlibat] terapi dari luar dai KL [Kuala Lumpur], dari USM [Univesiti Sains Malaysia]

tapi mereka sudah diberhentikan jadi dia mengambil saya. Saya menyesal ini saya macam saya cakap dengan awaklah saya tidak pandai protokol saya cakap macam biasa macam kawan okay. Jadi macam tidak retilah hendak buat protokol jadi biasa cakap macam itu gurau-gurau dengan dia betul ke *dak* [tidak] macam *make him like your friend* [buat dia macam kawan] *okay*.

Jadi saya ke sana sebenarnya untuk *spech* [ucapan] terapi tetapi dalam pada tu saya juga beri *motivation* [motivasi] untuk dia sebab arwah ni dia sakit selama sepuluh tahun. Sepuluh tahun *Allah Ta'ala* beri ujian pada dia untuk *Allah Ta'ala* ampunkan dosa dia dan masukkan dia ke dalam syurga *Alhamdulillah Insyaallah* selama sepuluh tahun dia terlantar. Jadi emm untuk mendekati orang yang terlantar selama sepuluh tahun ini bukan mudah tapi bukan susah. Jadi kene bijak main peranan macam mana hendak *tackle* [ambil] hati dia hendak suruh dia minat hendak suruh dia rasa seronok. Jadi tidak boleh mengajar *spech* [bercakap] 100% macam itu tidak ada kena masuk juga *motivation* [motivasi] kene masuk juga nyanyian dan dia suka lagu tu apa ha *"Sesal separuh nyawa"*.

Kadangkala kita nyayi [bernyanyi] bersama-sama. Jadi kadang-kala kita tunjuk video kita *tackle him* [ambil hati dia] buat macam mengajar tapi buat macam santai lepas itu kita juga beri motivasi sebab kebanyakan orang kalau pergi melawat dia cakap *"Tuanku patik doakan Tuanku sihat Tuanku"* saya memang pantang macam itu. Saya selalu cakap pada dia *"Tuanku, Tuanku*

*mana nak Tuanku. Tuanku sihat dan Tuanku tidak tahu arah ke mana ataupun Tuanku sakit insyaallah bila Tuanku meninggal Tuanku masuk syurga" ha.* Saya selalu cakap macam *tu* dekat dia *"Jadi Tuanku kene reda"* sabar dan reda itu beza sabar itu senang reda lagi susah. Reda Tuanku sakit sebab *Allah Ta'ala* beri Tuanku sakit sebab dia nak masukkan Tuanku ke syurga.

Jadi kita bersyukur kita sakit kena ingat macam tu [batuk]. Jadi saya kata kat dia *"Tuanku pernah saya tengok video ada orang tu kata"* saya pun tunjuk video tu kat dia dia cakap orang buta cakap. Video tu saya kongsi dengan dia *"Tidak apa saya reda saya buta dengan buta ini boleh membawa saya masuk syurga saya reda"* jadi macam *tu lah* suka kan. Tengah sakit boleh membawa Tuanku ke syurga jadi maknanya Tuanku harus bersyukur maknanya bahagia seronok boleh terima kesakitan baru dia kata *"Ya ya".* Jadi macam itu lah sebenarnya emm jadi sebenarnya apabila orang sakit ni betul kita mendoakan agar cepat sembuh tapi kita kena reda sebab itu ujian kita.

Kita pun juga tidak tahu________bila kita tidak sembuh kita asik pikir kita nak sembuh kita kena reda ujian *Allah.* Setiap orang diberi ujian yang berbeza kita tidak tahu ujian apa yang *Allah* nak beri semoga kita kuat dengan ujian kita semoha *Allah Ta'ala* berkati kita. Jadi saya mengajar dia 2015 hinggalah 2019 sehingga dia mangkat.

**AWATIF : Arwah Tuanku sakit apa ya Cikgu?**

CIKGU : Dia stroke. Dia jatuh pastu dia stroke (sedih).

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: SUMBANGAN**

**SARAH : Okay untuk bahagian sumbangan, apakah sumbangan yang cikgu telah berikan kepada masyarakat? Bolehkah Cikgu ceritakan tentang program teraktak spa yang diperkenalkan oleh cikgu untuk pelajar-pelajar khas?**

CIKGU : Sumbangan kepada masyarakat [ketawa] kebanyakkan nya *sharing knowledge* [kongsi ilmu] *la*. Maknanya perkongsiaan itu tentang teratak spa. Saya cuba *share screen* [kongsi skrin] boleh?

**SARAH : Boleh boleh.**

CIKGU : [TAYANGAN VIDEO TENTANG TERATAK SPA]

Murid perkeperlusn khas ini termasuk anak-anak yang mengalami masalah pendengaran, masalah penglihatan, masalah pembelajaran dan juga terdapat murid-murid dyslexia dan pinta cerdas. Tapi macam di SMK Panji [Sekolah Menengah Kebangsaan Panji] ini kami mempunyai masalah, murid kami mengalami masalah pembelajaran. Kami bersyukur sebab KPM

[Kementerian Pendidikan Malaysia] tidak pernah mengabaikan murid-murid istimewa. Mereka sentiasa memberi galakan kepada murid-murid ini dengan menyediakan peruntukan ___pada setiap murid dan mereka sentiasa memberi peruntukan dan memberi bangunan tambahan apabila kita perlukan seperti baru-baru ini program kami pendidikan khas SMK Panji [Sekolah Menengah Kebangsaan Panji] dapat peruntukan bangunan tambahan yang bernilai dua ratus lima puluh ribu ringgit. Murid-murid pendidikan khas di SMK Panji [Sekolah Menengah Kebangsaan Panji] pernah menjalankan program animal terapi. Selain daripada itu kami juga mengadakan program spa memang sesuatu kemahiran yang jarang dikuasai oleh murid-murid istimewa berkeperluan khas masalah pembelajaran. Ini adalah satu subjek yang dirasakan boleh mengangkat martabat mereka, melakukan kemahiran yang sukar dikuasai tetapi berjaya dilakukan oleh anak-anak istemewa. Setiap murid ini mempunyai pelbagai jenis kecerdasan, ada terdapat murid bijak badan, bijak akal, bijak music, bijak suara, bijak matematik. Bererti daripada situ kita boleh cari apa keistimewaan mereka. Tample Grandin mengatakan lihat ke bolehan anak-anak istimewa ini, jangan melihat apa yang dia tidak boleh. Setiap murid dilahirkan degan bakat semula jadi tidak ada seorang insan yang dilahirkan tanpa keistimewaan atau tanpa bakat yang tersendiri. Jadi kita lihat apa yang mereka berjaya atau boleh lakukan yang itu kita asah sebab semua murid mempunyai bakat dan keistimewaan ini. Bergantung kepada guru untuk cuba mendidik mereka sebaik mungkin agar suatu hari mereka boleh

menyumbang kepada masyarakat dan boleh menjadikan kemahiran yang dimiliki sebagai *career* (kerjaya) pada masa hadapan.

[TAMAT TAYANGAN VIDEO TENTANG TERATAK SPA]

**SARAH : Cikgu, saya mendapati bahawa cikgu ada penulisan beberapa buah buku, boleh saya tahu bagaimana boleh terlintasnya di fikiran cikgu untuk menulis buku tersebut?**

CIKGU : Em sebenarnya macam *ni*. Saya suka *sharing knowledge* [berkongsi ilmu] kan. Jadi saya pun fikir, em macam mana saya nak *share knowledge* [berkongsi ilmu] dengan ramai manusia. Saya *tak* boleh pergi menemui semua manusia. Jadi, saya rasa menulis buku adalah perkara yang terbaik kerana buku itu akan pergi menyentuh mereka-mereka yang memerlukan ilmu.

Jadi, sebab *tu la*, saya ha tulis buku dan saya rasa ia adalah perkara yang terbaik untuk *sharing knowledge* [berkongsi ilmu] kerana kita dapat meluahkan pengalaman kita dalam buku tersebut. Saya sebenarnya berbeza dengan kebanyakkan buku yang lain sebab kebanyakkan *la* bukan semua buku *based on research* [berdasarkan penyelidikan], *based on thesis* [berdasarkan tesis] tapi saya *based on experience* [berdasarkan pengalaman].

Jadi, saya tulis, cara saya tulis *tu* santai *la* kan tu sebenarnya. Tujuan saya menulis sebenarnya bukan untuk kaya tetapi untuk menyebarkan ilmu. Kalau saya di luar negara, saya *dah* [sudah] kaya *dah* dengan empat buah buku saya tulis. *Tapi* kalau di Malaysia ni anda tidak akan jadi yang kaya. Kenapa? Kawan saya pernah cakap, *"Buat apa awak nak menulis buku?"*. Sebab kalau tulis, penerbit dapat isi, penulis dapat buahnya sahaja.

Tapi *it's okay* [tidak mengapa] *la* sebab em niat saya menulis tu bukan untuk kaya, untuk sebarkan ilmu *tak* [tidak] kisah *la*. Buku saya *jugak* [juga] digunakan oleh kebanyakkan *student* [pelajar], cikgu-cikgu dan pegawai-pegawai em pendidikan khas.

**SARAH : Boleh saya tahu tajuk-tajuk buku tersebut?**

CIKGU : *Jap* [sebentar], saya tunjuk *kat* [pada] awak buku ya. Ini 'Menjadi Guru Pendidikan Khas' *okay*, buku ini [menunjukkan buku] adalah tentang cikgu *okay*. Macam tadi bertanya apakah *criteria* [ciri-ciri] menjadi guru pendidkan khas *okay*. Ni Awatif, saya baca untuk awak._*criteria* [ciri-ciri] guru pendidikan khas, bersabar, __________ dan periyang, berminat dan tidak putus asa, beriman, prihatin dan pemurah, kasih sayang, berpegetahuan, bersikap professional, berfikiran kreatif, mesra, menghormati, mengenali murid, rela berkorban, rajin dan cekap, kreatif dan berbakat, __ __ __, bertanggungjawab, __ __ __, bersopan santun, berfikiran terbuka,_.

Sebab itu, kalau orang tanya, apa kriteria yang penting. Semua penting. Buku kedua yang saya tulis ni [menunjukkan buku]. 'Anak Istimewa'. 'Anak Istimewa' ni sebenarnya penting buku ni kepada ibubapa dan juga kepada guru-guru.

Ibubapa baru-baru ini ynag minggu lepas, kawan saya telefon bukan telefon *Whatsapp*, dia kata *"Ada lagi tak buku anak istimewa"* sebab kawan dia baru sahaja melahirkan anak yang istimewa dan menangis *tak* [tidak] berhenti. Sedih. Jadi, dia *nak* hadiahkan buku ni kepada rakan dia. Kebetulan saya ada lagi, saya pos dekat dia.

Ha sebab di Malaysia ni, memang kita ada kaunseling tapi berbeza di luar negara. Di luar negara, dia akan bantu kita sampai anak itu dewasa. Sebab sokongan moral ni penting untuk kuatkan ibu. Kita sebenarnya apabila kita dianugerahkan anak istimewa, kita kena ingat satu *je* [sahaja] itu adalah ujian *Allah*. Untuk mengangkat martabat kita. Kehadiran anak itu sebenarnya rahmat amat besar. Mungkin anak itu *la* yang akan membantu hidup kita tapi kita *tak* nampak. Kita cuma nampak luaran *je* [sahaja]. Tetapi di sebaliknya kita *tak* tahu.

Jadi, sebenarnya yang yang penting ialah redha kita menerima kehadiran mereka kerana mungkin mereka itu rahmat yang besar. Buku yang ketiga,

'Mengapa Kanak-kanak Sukar Belajar'. 'Mengapa Kanak-kanak Sukar Belajar' ni menceritakan macam mana murid sukar untuk belajar.

Buku ni kadang-kala bukan untuk murid Pendidikan khas tetapi juga untuk orang biasa. Sebab kadang-kala kita tidak tahu kenapa murid *tu* lambat belajar. Kadang-kala apabila sesuatu maklumat diberi, mungkin dia masuk otak sebelah kanan, baru nak *pegi* [pergi] ke otak sebelah kiri, *so* [jadi] dia ambil masa lama. Setengah orang_.

Adakala murid tu mengajar macam mana cara untuk berkawan *pun* kena ajar. Jadi benda-benda yang macam *tu* remeh-temeh tapi semua perkara kita harus .............. Yang buku keempat saya ialah mengenai 'Apa itu Autisme'. Sebab ramai murid yang ada masalah autisma *okay*. Jadi, disebabkan itu *la* sebenarnnya penting untuk kita mengenali_______, penting mengenali cara untuk menangani nya dan pendekatan yang sepatutnya.

Itu adalah empat buku saya dan sebenarnya saya dalam proses untuk menyiapkan buku 'Pendidikan Sexual' em '*Down Syndrome'* buat sikit lepas itu berhenti. 'Pendidikan Sexual' sebenarnya saya buat buku Bahasa Inggeris. Sebenarnya saya cadang buku Bahasa Inggeris tu untuk Princess MAHA Cakri yang saya dapat anugerah Princess MAHA Cakri *ari* [hari] tu yang Thailand.

Tapi Thailand tak nak tajuk 'Pendidikan Sexual'. Jadi tersadai *tak* tahu nak buat macam mana. Jadi sebenarnya saya memang_____ jadi itulah menulis buku ini memerlukan disiplin. Kadang-kadang menulis kadang-kadang tinggal itu masalahnya kalau kita nak menulis *ni* kena betul-betul, kata orang *'Keazaman tu kena tinggi'* bukan senang untuk menyiapkan buku ha.

**SARAH : Okay, sudah sampai akhir bahagian harapan, apakah harapan Cikgu kepada anak-anak generasi sekarang?**

CIKGU : Anak-anak generasi sekarang, gologan jenerasi sekarang kena ingat bahawa dalam apa sahaja *career* [kerjaya] kita kena ingat bahawa kita berkerja ni adalah sebahagian daripada ibadah kita. Jangan sekali-kali bekerja untuk mencari gaji. Apa yang kita dapat cuma gaji. Kita *tak* nak macam itu. Kita nak biar kita mendapat keberkatan pada *Allah Ta'ala*. Itu penting nya.

Dan jangan bekerja untuk anugerah sebab anugerah itu tidak ada apa-apa. Contoh, saya telah mendapat 16 anugerah peringkat Malaysia, di peringkat antarangsa saya dapat 3 anugerah. Mula-mula anugerah saya dapat ialah Top 50 Finalist Global Teacher Prize iaitu 50 Guru terbaik daripada empat puluh ribu atau tiga puluh ribu penyertaan seluruh dunia tahun 2018 maknanya 50 Guru terbaik didunia saya dapat *okay*. Itu anugerah yang paling besar. Kedua, saya dapat anugerah SENIA Advocacy Award maknanya emm anugerah guru SENIA peringkat Asia daripada 48 buah

negara dan ketiga anugerah yang saya rasa tahun 2019, tahun 2019 juga saya dapat anugerah Princess MAHA Cakri di peringkat Asia Tenggara yang anjurkan oleh Thailand.

Jadi, 3 anugerah antarabangsa tu, dan 16 anugerah em peringkat Malaysia itu tidak menjamin anugerah yang paling besar sedang kita kejari. Apa dia anugerah yang paling besar ialah anugerah Jannah. Itu yang paling besar. Jadi, jangan kita anggap anugerah adalah satu yang boleh menyebabkan kita hebat. *Tak. Astagfirullahalazim.*

Saya sering kali mengatakan pada diri saya yang jangan *la* menjadi orang yang takbur, orang yang riak, sombong, ujub sebab itu semua tak penting. Kama ada anugerah berjuta sekali pun kalau ia tidak membantu kamu untuk masuk ke syurga dia adalah sia-sia. Orang yang tidak mempunyai anugerah mungkin akan masuk syurga dulu pada kita.

Apa sahaja, tanggunjawab, apa saja tugas kita sebenarnya kena pastikan bahawa setiap pekerjaan kita, setiap lafaz kata kita, setiap langkah kita pastikan kita diredai *Allah.* Walau apa *career* [kerjaya] sekali pun semua pekerjaan kita adalah ibadah, tidur sekali pun adalah ibadah.

Jadi anda semua guru-guru ataupun apa sahaja *career* [kerjaya] anda, generasi yang baru pastikan apabila kita mempunyai pekerjaan, bila kita

belajar sekali pun semua itu anggap *la* sebagai ibadah. Niat kita buat sesuatu ini keran *Allah Ta'ala*. *InshaAllah Allah Ta'ala* akan berkat hidup kita. Kalau merungut kerja kita banyak beerti kita tidak ikhlas *la*. Syaitan sedang mempengaruhi kita *la*. Itu sebenarnya syaitan, dajjal *laknatullah* sentiasa mengganggu hidup kita.

Sentiasa ingat bahawa *Allah Ta'ala* ada dan mohon perlindungan pada Dia biar dijadikan kita orang yang ikhlas, oranh yang tidak mempunyai perasaan-perasaan *mazmumah* kerana yang paling dalam hidup kita ialah mencari anugerah Jannah. Itu yang paling penting.

Jadi, melalui *career* [kerjaya] kita, melalui kerja buat kita, siapa kita sekali pun sebagai anak, sebagai ibubapa ataupun sebagai *student* [pelajar], pada perkerja ada bahagian kita di Jannah kelak kalau sekirannya *Allah Ta'ala* redha kita. Dalam hidup ini tidak ada perkara yang lebih besar melainkan mencari keberkatan dan keredaan *Allah Ta'ala*. Itu sebenarnya.

**SARAH : Apakah harapan Cikgu yang masih belum tercapai?**

CIKGU : Harapan saya yang masih belum tercapai ialah mencapai anugerah Jannah *la* [senyum]. Itu sebenarnya anugerah yang paling apa sahaja yang kita buat, kita pastikan kita buat *ni* untuk *Allah* redha kita *tu* yang penting dalam hidup ini. Apa sahaja yang kita buat jangan jadikan ia sebagai laluan untuk syaitan masuk dalam diri kita. Jadikan ia sebagai semangat untuk kita mencari

syurga. Macam anda semua remaja yang masih ada ibu dan bapa betul ke *tak*.

Jadi, kuatkan *la* ataupun kongsikan *la* kudrat anda ini untuk mengembirakan ibubapa. Ingat bila anda bekerja besok, jangan lupa ibubapa. Ramai generasi sekarang bila bekerja *dah* [sudah] tak ingat ibubapa. Ingat *ya* nasihat, bila kita bekerja esok, bahagian gaji kita kena ada untuk ibubapa kita. Ramai yang tidak beri duit pada ibubapa. Saya simpati *la* kan.

Sebab sedangkan, masa kecil ibubapa kita yang tanggung kita, adakala yang perempuan apabila sudah kahwin kebanyakkan duit bagi dekat suami. Kadang-kala yang si suami pun, yang isteri ambil duit suami sedangkan ibubapa tak pernah beri duit. Berdosa kita ha. Kalau kita beri ibubapa kita serratus ringgit, dua ratus ringgit sebelan *pun*, ibubapa masih lagi belum cukup betul *tak*.

Kalau adik-beradik ramai *takpe la* [tidak mengapa] boleh *la*. Tapi kalau duit dianya kita beri lebih banyak kepada ibu bapa *Allah Ta'ala* lagi berkat hidup kita. Saya *nak* kongsi sikit ya macam, boleh saya kongsi?_______ masa saya mula-mula kerja dulu jadi cikgu, gaji saya _ _ _ mak saya kata *"Aku nak kau beri kat aku 50 ringgit, kat bapak 50 ringgit"*. Saya pun kata, *"Alah mak kawan saya tak pernah bagi"* saya cakap terus terang kawan saya tak pernah mak dia paksa bagi. Mak saya kata, *"Takde saya nak suruh*

*juga, bagi juga".* Sebab tengok kawan-kawan, sampai tua susah hidup terpaksa jual nasi berlauk *kat* tepi jalan sebab untuk kos hidup sebab anak-anak *dah* kerja *pun* tidak bagi duit. Jadi memang sebulan dua memang saya kata dekat mak bapak saya ha.

Tapi saya bagi. Ha *pastu* [selepas itu], mak saya kata, *"Tak kira tak nak* ___ _____dulu gaji enam ratus saja. *"Tak kira lepa tu bila gaji kau naik ikut kau nak naikan ke tidak"* dia kata. Lepas tu bila kita dapat bagi setiap bulan kita dapat gaji, kita bagi dekat mak bapak kita itu *la* keberkatan. Jadi, bila setiap tahun, bile naik gaji kita pun naik kan. Sampai sekarang, ibubapa saya memang *Alhamdulillah la.* Arwah ayah saya, ayah saya sudah arwah jadi mak saya saja ada. Jadi, mak saya ni macam ustazah pencen ha. Sebulan mak saya dapat tida ribu lebih ha. Ya lah sebab apa? daripada anak-anak yang lain juga kan. Bererti ada juga anak yang tak bagi tapi terserah la dia dengan *Allah Ta'ala* kan. Kita jalankan kan tanggungjawab kita.

Sebab *tu* bila kita beri pada mak kita, kita gembirakan mak kita. Tapi mak kita duit kita *ni* dia sedekahkan juga. Doa dia itu penting sebenarnya. Jadi sebab tu *la* kalau anda semua bekerja ingat ya kena beri juga *kat* mak. Setengah orang beri pada raya *je* [sahaja], *no* [tidak] bagi seitap bulan sebab itu adalah penting sebab kalau ibubapa kita dah tidak ada kita dah tidak beri kan betul tak. Mungkin kita akan beri untuk panjang untuk sedekah atas nama dia tapi sebenarnya masa dia hidup ni *la* kita kena gembirakan dia.

Anda semua yang masih belum kahwin, kena pastikan anda tidak melukakan ibubapa anda itu yang penting. Bila kita dah tiada ibubapa kita rasa ruginya, kita tak dapat menyumbang tenaga sepenuhnya kepada ibubapa kita. Saya, bapak saya dah tidak ada tapi mak saya ada lagi *lah*. Tapi ialah saya rasa sedih sebab banyak lagi kita tidak buat untuk keluarga kita. Itu *lah* sebenarnya.

**SARAH : Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Cikgu K.A. Razhiyah yang merupakan seorang mantan guru cemerlang pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu bukan sahaja dalam bidang perguruan terutamanya guru-guru pendidikan khas, malah tidaklupa juga kepada anak-anak generasi sekarang. Sekian, terima kasih**

CIKGU : Sama-sama.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

# LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

## LOG WAWANCARA

Nur Awatif Mazlan dan Siti Sarah Liyana Izham menemubual Cikgu K.A.Razhiyah yang merupakan Guru Pendidikan Khas terbaik Asia. Temubual dijalankan melalui platform Zoom Meeting pada pukul 11 pagi pada 9 July 2021 mengenai sejarah perjalanan beliau sebagai seorang pendidik.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG** | | |
| 1.28 | Mengenai latar belakang | K.A.Razhiyah<br>Gelaran – Cikgu K.A<br>Kota Bharu, Kelantan<br>India<br>Anak kedua<br>4 Disember 1959 |
| 3.14 | Sejarah Latar Belakang keluarga | Data Edit Eksekutif<br>Ibu – Zainab Mohammad<br>Ipoh<br>Suami – Farouk<br>Engineer |

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN** | | |
| 5.23 | Sekolah menengah dan sekolah rendah | Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra<br>Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist Acs (M), Negeri Sembilan<br>Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin, Klang, Selangor |
| **BAHAGIAN 3: KERJAYA** | | |
| 14.20 | Menceburi dalam bidang pendidikan | Maktab Perguruaan Perempuan Melayu Melaka (MPPM)<br>Sekolah Kebangsaan Convent Sentul |
| 17.16 | Khusus Pendidikan khas | Khusus pendedahan Pendidikan khas<br>Masalah pendengaran<br>Masalah penglihatan<br>Institut Aminuddin Baki |
| 23.15 | Program pelajar Pendidikan khas | Pertandingan drama<br>Lawan 34 buah sekolah di seluruh Negeri Kelantan |

| | | |
|---|---|---|
| | | Johan drama<br>Bidang kompang |
| 56.55 | Kriteria Guru | Sabar<br>Minat<br>Bertanggung jawab<br>Kreatif<br>Ikhlas<br>Anugerah |
| 1.09.49 | Program Jemputan | Pengurusan Tingkah Laku<br>Pendidikan Seksual<br>Human Security for Special Need<br>Kembodia, Myanmar, Vietnam, Brunei, Singapore |
| 1.28.07 | Penulisan Buku | Menjadi Guru Pendidikan Khas<br>Anak istimewa<br>Mengapa kanak-kanak sukar belajar?<br>Apa Itu Autisme? |

LAMPIRAN 2

**DIARI KAJIAN**

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 10.00 pagi – 10.30 pagi Isnin | 12 April 2021 | Penerangan tentang carian tokoh.<br><br>Kami telah diberi penerangan oleh Madam Nurulannisa Abdullah tentang tema pemilihan tokoh iaitu 'Local Content'. | Catatan awal dilakukan untuk menerangkan tentang tema pemilihan tokoh. |
| | | Perbincangan tentang pemilihan tokoh.<br><br>Membuat perbincangan tentang pemilihan tokoh dalam bidang Pendididkan. | Catatan kedua dilakukan untuk pemilihan tokoh. |
| | | Carian maklumat tokoh di laman web.<br><br>Kami membuat carian tentang tokoh di website untuk dihubungi dan untuk memenuhi tema pemilihan tokoh. | Catatan ketiga dilakukan untuk mencari maklumat tentang tokoh untuk dihubungi. |
| | | Panggilan Telefon<br><br>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah. | Catatan keempat dilakukan untuk persetujuan untuk ditemubual. |
| | | Surat Pengesahan Projek<br><br>Kami menghantar surat pengesahan projek dari universiti kepada tokoh untuk menerangkan tentang tujuan projek temubual yang dilakukan. | Catatan kelima dilakukan untuk proses menyediakan soalan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Soalan temubual.<br><br>Kami menyediakan senarai soalan untuk diberikan kepada tokoh sebelum temubual dilakukan. | Catatan keenam dilakukan untuk proses temubual dilakukan. |
| 11.00 pagi – 1.00 tengahari Jumaat | 9 Julai 2021 | Temubual tokoh.<br><br>Temubual tokoh dilakukan bersama Mantan Guru Pendidikan Khas di Sekolah Menengah Panji, Kota Bharu iaitu Cikgu K.A. Razhiyah.<br><br>Temubual dilakukan melalui platform Zoom Meeting. | Catatan ketujuh dilakukan untuk proses mentranskripsikan audio temubual. |

# LAMPIRAN 3: SOALAN SEBELUM TEMUBUAL DIJALANKAN

Pengenalan: [rakam sebelum temubual]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Pendidikan khas. Bersama-sama kami ialah Cikgu K.A. Razhiyah yang merupakan seorang guru cemerlang pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 30 Jun 2021 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 3 petang dengan menggunakan Google Meet sebagai platform temubual ini. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Awatif Mazlan dan Siti Sarah Liyana Izham.

Assalamualaikum Cikgu, bolehkah kita mulakan sesi temubual kita sekarang pada hari ini? Bolehkah Cikgu ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Cikgu?

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Boleh saya tahu apakah nama penuh Cikgu?
2. Cikgu ada nama gelaran kah?
3. Bilakah dan dimana Cikgu dilahirkan?
4. Dimanakah Cikgu dibesarkan dan menetap di mana sekarang?
5. Mengenai keluarga Cikgu, boleh Cikgu ceritakan serba sedikit siapa ayah, ibu dan adik-beradik Cikgu?
    - Nama
    - Berasal
    - Pekerjaan
6. Cikgu, boleh kami tahu Cikgu anak ke berapa?
7. Berdasarkan apa yang kami tahu, Cikgu sudah mendirikan rumahtangga. Pada tahun bilakah Cikgu mendirikan rumahtangga?
8. Siapakah nama penuh suami Cikgu?
9. Apakah pekerjaan beliau?

**BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL**

1. Dalam aspek Pendidikan, pada tahun berapa Cikgu mendapat pendidikan awal?
2. Di manakah Cikgu bersekolah rendah?
3. Bagaimana pula pendidikan Cikgu di peringkat sekolah menengah dan pada tahun berapa Cikgu mula dan akhir bersekolah menengah?
4. Di manakah Cikgu bersekolah menengah?
5. Cikgu pernah memegang apa-apa jawatan ketika sekolah dulu? (Sekolah rendah & menengah)
6. Adakah Cikgu bergiat aktif di sekolah menengah?
7. Apakah pencapaian tertinggi Cikgu semasa bersekolah?
8. Apakah pengalaman manis sepanjang persekolahan Cikgu?
9. Selepas tamat persekolahan, adakah Cikgu terus melanjutkan pelajaran ataupun bekerja sementara?
10. Dimanakah Cikgu bekerja dan apakah pekerjaan yang Cikgu lakukan? (Jika bekerja)
11. Apakah faktor yang menyebabkan Cikgu memilih untuk bekerja disitu?
12. Dimanakah Cikgu menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi?
13. Semasa belajar di universiti apa kursus atau bidang yang Cikgu ambil?
14. Sewaktu Cikgu melanjutkan pelajaran di universiti, boleh Cikgu ceritakan serba sedikit pengalaman belajar di sana?
15. Pada tahun berapa Cikgu habis pendidikan tinggi itu?
16. Di universiti, apakah kenangan yang paling manis ketika Cikgu belajar disana?
17. Ketika di universiti, apakah rahsia kejayaan Cikgu dalam mendapat keputusan yang cemerlang setiap semester?
18. Pernahkah Cikgu mengikuti kursus-kursus professional yang lain?
19. Boleh saya tahu, apakah kursus yang Cikgu ikuti dan dimana Cikgu mengambil kursus tersebut?

**BAHAGIAN C: PERJALANAN KERJAYA**

1. Tentang kerjaya terkini Cikgu yang Cikgu perolehi sekarang, apakah yang mendorong Cikgu menjadi seorang pendidik?
2. Kenapakah Cikgu memilih guru sebagai kerjaya?
3. Adakah kerjaya ini merupakan minat atau pun secara kebetulan?
4. Bolehkah kami tahu bilakah Cikgu mula berkhidmat sebagai seorang guru?
5. Dimanakah tempat pertama Cikgu mula berkhidmat?

6. Sepanjang penglibatan Cikgu dalam arena pendidikan, berapa buah sekolah yang pernah Cikgu berkhidmat?
7. Boleh saya tahu matapelajaran apakah yang cikgu ajar di sekolah?
8. Bagaimana pula di sekolah? Adakah Cikgu seorang yang tegas?
9. Dimanakah Cikgu bertugas sekarang?
10. Seperti yang saya sedia maklum, Cikgu juga merupakan seorang guru Pendidikan khas, apakah yang mendorong Cikgu menjadi seorang pendidik pelajar istimewa ini?
11. Apakah kursus-kursus yang pernah Cikgu ikuti untuk menjadi seorang guru Pendidikan khas?
12. Apakah perkara yang sering dititikberatkan semasa mengikuti kursus untuk guru Pendidikan khas?
13. Adakah kursus-kursus untuk guru Pendidikan khas dan guru biasa berbeza?
14. Bolehkah Cikgu kongsikan pengalaman sepanjang menjadi pendidik pelajar biasa dan pelajar Pendidikan khas?
15. Apakah cabaran yang paling besar dalam mendidik pelajar pelajaran khas?
16. Seperti yang saya tahu, dalam mendidik pelajar istimewa ini agak berbeza dengan pelajar biasa dari segi penyampaian ilmu, jadi apakah kriteria dan tanggungjawab seseorang itu dalam mendidik pelajar ini?
17. Pada pendapat Cikgu, apakah fungsi Pendidikan khas dalam sesebuah negara?
18. Apakah pengalaman manis Cikgu sepanjang menjadi pendidik?
19. Bagaimana hendak menjadi seorang pendidik yang cemerlang?
20. Bolehkah saya tahu berapa lamakah Cikgu telah berkhidmat dalam bidang pendidikan?
21. Saya lihat banyak hasil Cikgu dalam mendidik pelajar-pelajar dan telah sampai ke peringkat yang boleh dibanggakan. Bolehkah Cikgu sebutkan anugerah dan kejayaan-kejayaan yang pernah Cikgu perolehi sepanjang bergelar seorang guru? Dari awal kerjaya sehingga sekarang.
22. Apakah anugerah yang paling besar dan bermakna dalam hidup Cikgu?
23. Berikutan peningkatan kes Covid-19, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) menjadi kaedah sekarang dalam memastikan pendidikan dapat diteruskan. Apa pendapat Cikgu tentang kaedah ini?
24. Adakah kaedah ini menjamin murid-murid untuk hadir dan mengikuti pembelajaran atas talian ini?
25. Apakah kesan positif dan negatif terhadap pelajar dengan kaedah PdPR ini?

**BAHAGIAN D: SUMBANGAN**

1. Apakah sumbangan yang Cikgu telah berikan kepada masyarakat?
    - Bolehkah Cikgu ceritakan tentang program Teratak Spa yang diperkenalkan oleh Cikgu khas untuk pelajar-pelajar istimewa tersebut? (jika Cikgu tidak cerita lagi)
2. Saya mendapati bahawa Cikgu ada menerbitkan beberapa buah buku. Boleh saya tahu bagaimana boleh terlintasnya dipikiran Cikgu untuk menerbitkan buku-buku tersebut?
3. Berapa buah buku yang telah diterbitkan oleh Cikgu?
4. Bolehkah Cikgu menceritakan secara ringkas tentang setiap buku tersebut mengikut susunan kronologi?
    - Soalan: Tajuk buku, cerita sedikit buku itu tentang apa, tahun berapa buku itu diterbitkan.
5. Cikgu juga telah mengharumkan nama Kelantan di persada antarabangsa apabila Cikgu telah di anugerahkan SENIA Advocacy Award, iaitu Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019 yang diterimanya di Hong Kong dan turut dinobatkan sebagai Top 50 Finalist Global Teacher Prize bagi tahun 2018 oleh Yayasan Varkey di London, United Kingdom.
    - Apakah perasaan Cikgu apabila dapat mengharumkan nama Kelantan hingga dipersada antarabangsa?

**BAHAGIAN E: HARAPAN**

1. Apakah harapan Cikgu kepada anak-anak generasi sekarang?
2. Bolehkah Cikgu nyatakan apakah kesediaan atau persiapan yang perlu mereka ada jika mereka memilih untuk berkerja sebagai guru pendidikan khas?
3. Apakah harapan Cikgu yang masih belum tercapai?

Penutup: [rakam selepas temubual]

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Cikgu K.A. Razhiyah yang merupakan seorang guru cemerlang pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu bukan sahaja dalam bidang perguruan terutamanya guru-guru pendidikan khas, malah tidak lupa juga kepada anak-anak generasi sekarang. Sekian, terima kasih.

# LAMPIRAN 4: SOALAN SEMASA TEMUBUAL DIJALANKAN

Pengenalan: [rakam sebelum temubual]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Pendidikan khas. Bersama-sama kami ialah Cikgu K.A. Razhiyah yang merupakan mantan guru cemerlang pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 9 July 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 11 petang dengan menggunakan Google Meet sebagai platform temubual ini. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Awatif Mazlan dan Siti Sarah Liyana Izham.

Assalamualaikum Cikgu, bolehkah kita mulakan sesi temubual kita sekarang pada hari ini? Bolehkah Cikgu ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Cikgu?

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Boleh saya tahu apakah nama penuh Cikgu?
2. Cikgu ada nama gelaran kah?
3. Bilakah dan dimana Cikgu dilahirkan?
4. Dimanakah Cikgu dibesarkan dan menetap di mana sekarang?
5. Mengenai keluarga Cikgu, boleh Cikgu ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang keluarga... siapa ayah, ibu dan adik-beradik Cikgu?
    - Nama
    - Berasal
    - Pekerjaan
6. Cikgu, boleh kami tahu Cikgu anak ke berapa?
7. Berdasarkan apa yang kami tahu, Cikgu sudah mendirikan rumahtangga. Pada tahun bilakah Cikgu mendirikan rumahtangga?
8. Siapakah nama penuh suami Cikgu?
9. Apakah pekerjaan beliau?

**BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL**

1. Dalam aspek Pendidikan, pada tahun berapa Cikgu mendapat pendidikan awal?
2. Di manakah Cikgu bersekolah rendah?
3. Bagaimana pula pendidikan Cikgu di peringkat sekolah menengah dan pada tahun berapa Cikgu mula dan akhir bersekolah menengah?
4. Di manakah Cikgu bersekolah menengah?
5. Cikgu pernah memegang apa-apa jawatan ketika sekolah dulu? (Sekolah rendah & menengah)
6. Adakah Cikgu bergiat aktif di sekolah menengah?
7. Apakah pencapaian tertinggi Cikgu semasa bersekolah?
8. Apakah pengalaman manis sepanjang persekolahan Cikgu?
9. Selepas tamat persekolahan, adakah Cikgu terus melanjutkan pelajaran ataupun bekerja sementara?
10. Dimanakah Cikgu bekerja dan apakah pekerjaan yang Cikgu lakukan? (Jika bekerja)
11. Apakah faktor yang menyebabkan Cikgu memilih untuk bekerja disitu?
12. Dimanakah Cikgu menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi?
13. Semasa belajar di universiti apa kursus atau bidang yang Cikgu ambil?
14. Sewaktu Cikgu melanjutkan pelajaran di universiti, boleh Cikgu ceritakan serba sedikit pengalaman belajar di sana?
15. Pada tahun berapa Cikgu habis pendidikan tinggi itu?
16. Di universiti, apakah kenangan yang paling manis ketika Cikgu belajar disana?
17. Ketika di universiti, apakah rahsia kejayaan Cikgu dalam mendapat keputusan yang cemerlang setiap semester?
18. Pernahkah Cikgu mengikuti kursus-kursus professional yang lain?
19. Boleh saya tahu, apakah kursus yang Cikgu ikuti dan dimana Cikgu mengambil kursus tersebut?

**BAHAGIAN C: PERJALANAN KERJAYA**

1. Tentang kerjaya terkini Cikgu yang Cikgu perolehi sekarang, apakah yang mendorong Cikgu menjadi seorang pendidik?
2. Kenapakah Cikgu memilih guru sebagai kerjaya?
3. Adakah kerjaya ini merupakan minat atau pun secara kebetulan?
4. Bolehkah kami tahu bilakah Cikgu mula berkhidmat sebagai seorang guru?
5. Dimanakah tempat pertama Cikgu mula berkhidmat?

6. Sepanjang penglibatan Cikgu dalam arena pendidikan, berapa buah sekolah yang pernah Cikgu berkhidmat?
7. Boleh saya tahu matapelajaran apakah yang cikgu ajar di sekolah?
8. Bagaimana pula di sekolah? Adakah Cikgu seorang yang tegas?
9. Dimanakah Cikgu bertugas sekarang?
10. Seperti yang saya sedia maklum, Cikgu juga merupakan seorang guru Pendidikan khas, apakah yang mendorong Cikgu menjadi seorang pendidik pelajar istimewa ini?
11. Apakah kursus-kursus yang pernah Cikgu ikuti untuk menjadi seorang guru Pendidikan khas?
12. Apakah perkara yang sering dititikberatkan semasa mengikuti kursus untuk guru Pendidikan khas?
13. Adakah kursus-kursus untuk guru Pendidikan khas dan guru biasa berbeza?
14. Bolehkah Cikgu kongsikan pengalaman sepanjang menjadi pendidik pelajar biasa dan pelajar Pendidikan khas?
15. Apakah cabaran yang paling besar dalam mendidik pelajar pendidikan khas?
16. Seperti yang saya tahu, dalam mendidik pelajar istimewa ini agak berbeza dengan pelajar biasa dari segi penyampaian ilmu, jadi apakah kriteria dan tanggungjawab seseorang itu dalam mendidik pelajar ini?
17. Pada pendapat Cikgu, apakah fungsi Pendidikan khas dalam sesebuah negara?
18. Apakah pengalaman manis Cikgu sepanjang menjadi pendidik?
19. Bagaimana hendak menjadi seorang pendidik yang cemerlang?
20. Bolehkah saya tahu berapa lamakah Cikgu telah berkhidmat dalam bidang pendidikan?
21. Saya lihat banyak hasil Cikgu dalam mendidik pelajar-pelajar dan telah sampai ke peringkat yang dibanggakan. Bolehkah Cikgu sebutkan anugerah dan kejayaan yang pernah Cikgu perolehi sepanjang bergelar seorang guru? Dari awal kerjaya sehingga sekarang.
22. Apakah anugerah yang paling besar dan bermakna dalam hidup Cikgu?
23. Mengikut apa yang saya tahu, Cikgu banyak mendapat jemputan untuk program-program di sekolah-sekolah malah di universiti juga untuk memberi lecture dan sebagainya. Boleh Cikgu ceritakan program-program yang Cikgu ikuti?
24. Untuk program di Vietnam. Bahasa apakah yang Cikgu digunakan untuk sampaikan lecture tersebut? Adakah cikgu fasih berbahasa Vietnam?
25. Antara semua jemputan program yang Cikgu ikuti, program manakah yang agak mencabar dengan tajuk yang diberikan oleh penganjur?

26. Seperti yang saya sedia maklum juga, Cikgu pernah berkhidmat untuk Ayahanda Yang Dipertuan Agong Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Sultan Yahya Petra di Istana Mahkota, Kota Bharu untuk proses pemulihan, jadi apakah yang membuatkan Cikgu berkhidmat untuk beliau? Adakah Cikgu dijemput ataupun sukarela untuk berkhidmat dengan proses pemulihan tersebut?
27. Boleh kami tahu, proses pemulihan apakah? Dan bagaimana proses pemulihan dilalukan?
28. Berikutan peningkatan kes Covid-19, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) menjadi kaedah sekarang dalam memastikan pendidikan dapat diteruskan. Apa pendapat Cikgu tentang kaedah ini?
29. Adakah kaedah ini menjamin murid-murid untuk hadir dan mengikuti pembelajaran atas talian ini?
30. Apakah kesan positif dan negatif terhadap pelajar dengan kaedah PdPR ini?

**BAHAGIAN D: SUMBANGAN**

1. Apakah sumbangan yang Cikgu telah berikan kepada masyarakat?
   - Bolehkah Cikgu ceritakan tentang program Teratak Spa yang diperkenalkan oleh Cikgu khas untuk pelajar-pelajar istimewa tersebut? (jika Cikgu tidak cerita lagi)
2. Saya mendapati bahawa Cikgu ada menulis beberapa buah buku. Boleh saya tahu bagaimana boleh terlintasnya dipikiran Cikgu untuk menulis buku-buku tersebut?
3. Berapa buah buku yang telah ditulis oleh Cikgu?
4. Bolehkah Cikgu menceritakan secara ringkas tentang setiap buku tersebut mengikut susunan kronologi?
   - Soalan: Tajuk buku, cerita sedikit buku itu tentang apa, tahun berapa buku itu diterbitkan.
5. Cikgu juga telah mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa apabila Cikgu telah dinobatkan sebagai Top 50 Finalist Global Teacher Prize bagi tahun 2018 oleh Yayasan Varkey di London, United Kingdom dan turut dianugerahkan SENIA Advocacy Award, iaitu Anugerah Guru Pendidikan Khas Terbaik Asia 2019 yang diterima di Hong Kong dan juga memenangi Anugerah Puteri Maha Chakri (PMCA) pada tahun 2019 yang diterima di Bangkok, Thailand dan dapat mengatasi sembilan calon lain di seluruh negara.

- Apakah perasaan Cikgu apabila dapat mengharumkan nama Malaysia hingga dipersada antarabangsa?

**BAHAGIAN E: HARAPAN**

1. Apakah harapan Cikgu kepada anak-anak generasi sekarang?
2. Bolehkah Cikgu nyatakan apakah kesediaan atau persiapan yang perlu mereka ada jika mereka memilih untuk berkerja sebagai guru pendidikan khas?
3. Apakah harapan Cikgu yang masih belum tercapai?

Penutup: [rakam selepas temubual]

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Cikgu K.A. Razhiyah yang merupakan seorang Mantan Guru Cemerlang Pendidikan Khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Kota Bharu. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu bukan sahaja dalam bidang perguruan terutamanya guru-guru pendidikan khas, malah tidak lupa juga kepada anak-anak generasi sekarang. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 5

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ......K.A. RAZHIYAH...... K/P: [redacted] pada ......9 July 2021......dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

..................................................

(Nama tokoh: K.A. Razhiyah

Tarikh: 11/8/2021

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)

b.p.Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

LAMPIRAN 6




Gambar 1: Program Jemputan Cikgu K.A. Razhiyah

LAMPIRAN 7




Gambar 2: Program Jemputan Cikgu K.A. Razhiyah

LAMPIRAN 8




Gambar 3: Berkhidmat untuk Ayahanda Yang Dipertuan Agong Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Sultan Yahya Petra

# INDEKS


**_B_**

Biologi · 21

**_C_**

Cikgu K.A. Razhiyah · 4, 6, 14, 48
Convent · 12, 25
*cosmopolitas* · 25

**_K_**

Kelantan · 10, 12, 15, 17, 18, 19, 28, 29, 30, 35, 36, 41

**_M_**

Malaysia Certificate Education · 20, 21, 22
Methodist · 12, 18, 20
MPPM · 12, 22, 23

**_P_**

Pendidikan · 6, 10, 12, 14, 17, 23, 24, 25, 27, 28, 31, 33, 36, 37, 38
***pendidikan khas*** · 6, 14

**_S_**

St John Ambulance · 20
*syndrome* · 32, 37, 41

**_V_**

vokasional · 38